



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72
No. 26

19hb Disember 2019

*TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Kelantan dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 39 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama):

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly of the State of Kelantan and assented to by His Royal Highness Sultan Muhammad V, are published pursuant to Clause (3) of Article XXXIX of the Laws of the Constitution of Kelantan (First Part):

| No. | Tajuk ringkas/Short title |
|--------------|--|
| Enakmen 13 | Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 |
| Enactment 13 | State of Kelantan Water Resources Enactment 2019 |



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

Enakmen 13

**ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN
2019**

Tarikh Persetujuan Diraja 3 Oktober 2019

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 19 Disember 2019

Enakmen 13

ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA PREROGATIF DAN PEMAKAIAN

3. Kuasa prerogatif
4. Pemakaian

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

5. Penubuhan Majlis Sumber Air Negeri
6. Keahlian Majlis
7. Penubuhan Jabatan Sumber Air Negeri
8. Pelantikan Pengarah dan pegawai lain
9. Tugas Pengarah
10. Perwakilan kuasa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri

BAHAGIAN IV

PENGGUNAAN SUMBER AIR

11. Tanggungjawab bagi sumber air
12. Kawalan penggunaan sumber air
13. Pengabstrakan air tanah
14. Lencongan, halangan, gangguan aliran air semula jadi
15. Kuasa Pengarah berkaitan sumber air dan kawasan tadahannya

16. Kuasa untuk mengenakan caj
17. Hak terhadap air bagi maksud sara diri

Seksyen

18. Kawalan pembaziran air

BAHAGIAN V

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR

19. Penyediaan pelan pengurusan dan pembangunan
20. Ulasan dan bantahan daripada orang awam
21. Pelan pengurusan dan pembangunan bagi sumber air antara negeri
22. Pelaksanaan pelan pengurusan dan pembangunan oleh entiti Kerajaan
23. Kecekapan penggunaan sumber air
24. Larangan pencemaran sumber air

BAHAGIAN VI

KAWASAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR

25. Perisytiharan kawasan perlindungan
26. Rizab sungai

BAHAGIAN VII

KAWALAN BAHAYA AIR

27. Pengurusan air larian hujan
28. Pengurusan banjir dan kemarau
29. Mitigasi bencana banjir
30. Tindakan semasa bencana banjir
31. Tindakan semasa musim kemarau
32. Pengurusan pencemaran sumber air akibat kemalangan
33. Mitigasi pencemaran sumber air akibat kemalangan

BAHAGIAN VIII

KAWALAN AKTIVITI LAIN

34. Kawalan terhadap aktiviti rekreasi

BAHAGIAN IX
PROSEDUR BAGI PELESENAN, KELULUSAN DAN RAYUAN

Seksyen

35. Permohonan
36. Ulasan dan bantahan awam ke atas kerja yang signifikan
37. Kelulusan lesen
38. Pengeluaran lesen
39. Pembaharuan lesen
40. Sekuriti
41. Daftar lesen
42. Obligasi pemegang lesen
43. Pengubahan syarat dalam lesen
44. Pembatalan
45. Penamatan
46. Rayuan
47. Prosedur Rayuan
48. Prosiding
49. Rayuan tidak menjadi suatu penangguhan tindakan
50. Keputusan Majlis

BAHAGIAN X
PENGUATKUASAAN

51. Pegawai yang diberi kuasa
52. Kuasa penyiasatan
53. Bukti kuasa
54. Kuasa untuk masuk, menggeledah, memeriksa dan merampas
55. Kuasa untuk menangkap
56. Perkara-perkara berkaitan dengan siasatan

Seksyen

57. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
58. Perlindungan kepada pemberi maklumat
59. Arahan untuk menghentikan kerja
60. Perintah untuk impaun
61. Kuasa untuk mengambil tindakan pemulihan
62. Pemberhentian pengabstrakan air
63. Pemasangan dan pengendalian
64. Pemberian maklumat

BAHAGIAN XI KESALAHAN DAN PENALTI

65. Kesalahan am
66. Kesalahan yang berterusan
67. Perampasan faedah kewangan
68. Memecah dan memindahkan apa-apa meterai
69. Kesalahan yang dilakukan oleh suatu badan korporat
70. Tindakan atau peninggalan oleh ejen atau pekerja
71. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN XII AM

72. Kuasa untuk memasuki tanah
73. Penyampaian dokumen atau notis
74. Perlindungan daripada prosiding guaman dan perundangan
75. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan borang
76. Kuasa untuk membuat peraturan

JADUAL

Enakmen 13

SAYA BERSETUJU

(MOHOR KERAJAAN)

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
SULTAN KELANTAN

Suatu Enakmen untuk memperuntukkan bagi pengurusan sumber air bersepadu di Kelantan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Badan Undangan bagi Negeri Kelantan seperti yang berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 dan hendaklah terpakai seluruh Kelantan.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air tanah” ertinya air yang mengalir atau meresap ke bawah permukaan bumi yang menepukan tanah atau batuan, membekalkan mata air ke dalam telaga atau perigi, atau mana-mana ruang yang terbuka;

“alam sekitar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“badan air” ertinya mana-mana akuifer, tasik, kolam, tanah bencah, estuari, perairan pantai, takungan (kecuali bagi maksud pembekalan air) dan badan air yang lain sama ada semula jadi atau buatan;

“buangan” termasuklah apa-apa perkara sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bentuk gas yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan dalam alam sekitar dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran, dan apa-apa perkara yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] sebagai buangan berjadual;

“dasar” berhubung dengan suatu sumber air ertinya tanah yang dibatasi oleh tebing yang paling dekat dengan sumber air;

“dataran banjir” ertinya mana-mana kawasan yang bersebelahan dengan sungai dan badan air yang mudah terdedah kepada banjir;

“efluen” ertinya kumbahan dan apa-apa sisa cecair atau air sisa dan termasuklah hasil larut resap dan telus dan pelepasan daripada penternakan haiwan;

“entiti Kerajaan” ertinya—

- (a) Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan; atau
- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, Jabatan, majlis atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya;

“estuari” ertinya badan air yang sebahagiannya, seketikanya atau tertutup sepenuhnya yang terbuka kepada laut secara tetap atau berkala dan ke dalamnya air tawar yang mengalir dari daratan;

“Jabatan” ertinya Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“jurutera profesional dengan perakuan amalan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138];

“kawasan perlindungan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan di bawah seksyen 25;

“kawasan tadahan air” bagi maksud Enakmen ini ertinya mana-mana kawasan daripada mana sesuatu sumber air yang menerima aliran permukaan yang berasal daripada hujan;

“kegunaan berfaedah” ertinya penggunaan air dalam jumlah yang bersesuaian dalam tempoh yang dikehendaki untuk menghasilkan manfaat daripada air yang diperuntukkan;

“kerja” termasuklah apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan—

- (a) operasi, penyelenggaraan, pembinaan, pemasangan apa-apa struktur, pembuatan atau premis, peralatan, vesel, benteng, kerja tanah, penternakan ikan atau tambak di atas, di dalam, merentasi atau di bawah mana-mana sumber air dan kawasan tadahannya;
- (b) pengerukan, tebus guna, mendalamkan, penimbusan atau penyaliran mana-mana sumber air dan kawasan tadahannya;
- (c) penerokaan, perlombongan, penggerudian, pencerucukan atas mana-mana sumber air dan kawasan tadahannya;
- (d) pelepasan mana-mana bahan, jirim atau benda ke dalam mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya secara terus;
- (e) menanam, memotong atau menebang apa-apa tumbuh-tumbuhan di atas mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya; dan
- (f) penakungan, pelencongan, pelepasan, penggalangan atau pengganggu terhadap aliran air dan penggunaan air di dalam mana-mana sumber air.

“lembangan sungai” ertinya kawasan tanah yang dari mana semua air larian permukaan mengalir melalui suatu urutan sungai, alur atau tasik dan berakhir ke laut melalui satu muara sungai, estuari atau delta;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

“lestari” ertinya menguruskan penggunaan dan pembangunan sumber dengan cara dan pada kadar, yang membolehkan manusia dan masyarakat untuk memberi kebaikan sosial, kesihatan, ekonomi dan budaya secara berterusan, di samping menjaga daya sokongan kehidupan air dan melindungi elemen alam sekitar yang disokong oleh sumber air;

“Majlis” ertinya Majlis Sumber Air Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“maksud awam” ertinya penggunaan yang melibatkan kepentingan Kerajaan Persekutuan atau Negeri dalam mana-mana sumber air termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembekalan air, pengairan, navigasi, rekreasi, perikanan, penstoran, penghasilan tenaga, tebatan banjir, pembenihan awan, pemuliharaan sumber air, kesihatan awam, pencegahan pencemaran dan pengawalan, pemuliharaan dan penggunaan biodiversiti, perubahan iklim dan keindahan estetik;

“Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak” ertinya suatu pelan, atau set pelan yang menunjukkan kaedah untuk mengawal saliran air larian hujan, hakisan tanah, larian kelodak semasa pembinaan, penstabilan tapak, dan fasa penyelenggaraan pembinaan atau aktiviti gangguan tanah yang lain;

“pelan pengurusan dan pembangunan” ertinya pelan yang dibuat di bawah seksyen 19;

“pemegang taruh” ertinya mana-mana orang, entiti Kerajaan, organisasi atau persatuan yang mempunyai kepentingan dalam atau mungkin terjejas oleh pembangunan, pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan mana-mana sumber air;

“pencemar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

“pencemaran” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

“Pengarah” ertinya Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 8 Enakmen ini, seksyen 6 Enakmen Bekalan Air 1995 [*Enakmen No. 4 Tahun 1995*] dan seksyen 3A Enakmen Parit dan Sungai 1935 [*Enakmen No. 18 Tahun 1935*];

“penghuni” ertinya seseorang yang menghuni atau mengawal–

(a) mana-mana premis atau tanah;

(b) berhubung dengan premis atau tanah yang bahagian yang berlainannya dihuni oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masing menghuni atau mengawal setiap bahagian itu; atau

(c) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara;

“pengurusan sumber air bersepadu” ertinya suatu proses yang menggalakkan penyelarasan pembangunan dan pengurusan air, tanah dan sumber yang berkaitan bagi memaksimumkan hasil ekonomi dan kebajikan sosial dalam cara yang saksama tanpa menjejaskan kelestarian ekosistem yang penting;

“perairan pantai” ertinya bahagian tertentu laut yang bersebelahan dengan pantai yang dianggap oleh undang-undang untuk membentuk perairan wilayah Negeri itu;

“pertanian sara diri” ertinya pertanian yang mana sebahagian besar tanaman diguna oleh isi rumah petani;

“Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967;

“premis” termasuklah mana-mana premis atau mana-mana bahagian daripadanya (sama ada lengkap atau tidak), sama ada di darat atau di mana-mana sumber air;

“rizab sungai” ertinya kawasan tanah yang dinyatakan dalam seksyen 26;

“struktur” ertinya apa-apa struktur (sama ada siap atau tidak) yang dibina di atas, di dalam, melintasi atau di bawah sumber air, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, tanjakan bot, jambatan, benteng, groin, lebuhraya, jeti, jalan, laluan pejalan kaki, telaga, terowong dan saluran paip;

“sumber” ertinya apa-apa perkara, benda, bahan atau cecair yang terdapat di dalam, yang berkaitan dengan atau bergantung kepada air termasuklah—

(a) flora dan fauna, komuniti biotik dan ekosistemnya yang berkaitan;

(b) air, mineral, pasir, bahan batuan atau tanah;

(c) produk semula jadi yang lain;

“sumber air” ertinya mana-mana sungai, badan air dan air tanah;

“sungai” ertinya mana-mana alur, laluan air atau mana-mana anak sungai, sama ada semula jadi, yang diubah suai atau buatan atau mana-mana lecong dan mana-mana takungan di dalam alur;

“tanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*];

“tanah bencah” ertinya mana-mana kawasan atau rawang, fen, tanah gambut, paya atau tanah rendah lain yang ditenggelami dan ditakungi dengan air tawar, payau atau masin yang statik atau mengalir secara bermusim, seketika atau berkekalan, sama ada semula jadi atau sebaliknya;

“tebing” berhubungan dengan suatu sumber air ertinya mana-mana tebing sumber air yang terbentuk secara semula jadi atau buatan;

“vesel” termasuklah mana-mana kapal atau bot atau apa-apa perihalan lain vesel yang digunakan dalam pelayaran;

BAHAGIAN II

KUASA PREROGATIF DAN PEMAKAIAN

Kuasa prerogatif

3. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan dan Perlembagaan Persekutuan.

Pemakaian

4. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, Enakmen ini hendaklah terpakai bagi Negeri Kelantan kepada semua sungai, lembangan sungai, kawasan tadahan air, tanah perairan, air bumi, perairan pantai dan badan air dalam Negeri Kelantan.

(2) Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan antara peruntukan Enakmen ini dengan peruntukan Enakmen Bekalan Air 1995 dan Enakmen Parit dan Sungai 1935, peruntukan Enakmen ini hendaklah mengatasi dan peruntukan-peruntukan yang tidak selaras dengan Enakmen ini adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(3) Walau apapun yang dinyatakan dalam seksyen 117 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini dengan teks Bahasa Inggeris, teks Bahasa Melayu hendaklah mengatasi.

(4) Mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pengisytiharan, notis atau pemberitahuan yang telah dibuat, diberi atau dikeluarkan di bawah Enakmen Bekalan Air 1995 dan/atau Enakmen Parit dan Sungai 1935, sebelum berkuat kuasanya Enakmen ini hendaklah, setakat mana ianya tidak selaras dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dipinda, dibatal atau diganti dengan suatu peraturan, kaedah, perintah, pengisytiharan, notis atau pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah peruntukan Enakmen ini.

(5) Mana-mana orang yang sebelum berkuat kuasanya Enakmen ini menjalankan apa-apa kerja berdasarkan lesen atau kelulusan di bawah Enakmen Bekalan Air 1995 dan/atau Enakmen Parit dan Sungai 1935 dalam keadaan lesen atau kelulusan bagi kerja-kerja tersebut ada diperuntukkan di bawah Enakmen ini dan orang tersebut berhasrat untuk meneruskan kerja-kerja tersebut, hendaklah selepas tamat tempoh lesen tersebut memohon bagi lesen atau kelulusan sebagaimana yang diperlukan di bawah Enakmen ini.

(6) Mana-mana orang yang sebelum berkuat kuasanya Enakmen ini menjalankan apa-apa kerja yang menghendaki suatu lesen atau kelulusan di bawah Enakmen ini hendaklah dalam tempoh enam bulan berkuat kuasanya Enakmen ini atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri boleh putuskan, memohon bagi lesen atau kelulusan yang diperlukan dan hendaklah sementara menunggu lesen itu diberikan, menjalankan apa-apa kerja tertakluk kepada apa-apa syarat dan arahan sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

Penubuhan Majlis Sumber Air Negeri

5. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis Sumber Air Negeri, yang fungsinya adalah untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang pengurusan sumber air bersepadu di Negeri dan khususnya—

- (a) perlindungan, penggunaan, pembangunan, pemuliharaan, pengurusan dan pengawalan sumber air secara lestari dan saksama, untuk faedah semua pihak dan alam sekitar;

- (b) peruntukan yang saksama dan kegunaan berfaedah air;
- (c) dasar, pelan, program, strategi dan langkah yang akan diterima pakai bagi pembangunan lestari, penggunaan dan pemuliharaan sumber air;
- (d) untuk mempertimbangkan dan menerima pakai suatu pelan pengurusan sumber air bagi Negeri, selaras dengan dasar sumber air negara;
- (e) untuk menasihati tentang kajian semula, perubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan sumber air;
- (f) pemindahan air antara lembangan;
- (g) untuk menyelaraskan hubungan antara entiti Kerajaan dan menggalakkan kerjasama dan penyelarasan bagi kegunaan pelbagai fungsi sumber air;
- (h) untuk menggalakkan penyelidikan dalam kecekapan penggunaan, pembangunan dan pemuliharaan sumber air;
- (i) menasihati berhubung dengan perisytiharan kawasan yang ditetapkan dan dilindungi serta merumus dan melaksanakan pelan pembangunan dan pelan pengurusan untuk kawasan-kawasan itu; dan
- (j) menjaga kepentingan pengguna air berhubung dengan jumlah, kualiti dan harga yang hendak dikenakan untuk bekalan air.

(2) Majlis bolehlah, dalam melaksanakan fungsinya, mengambil kira dasar, rancangan dan program kebangsaan tentang pengurusan sumber air bersepadu yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

(3) Majlis bolehlah, bagi maksud keseragaman, mengambil kira piawaian, kriteria, manual, garis panduan dan prosedur kebangsaan untuk pengurusan sumber air bersepadu yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Keahlian Majlis

6. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut–
- (a) Menteri Besar yang hendaklah menjadi Pengerusi kepada Majlis;
 - (b) Setiausaha Kerajaan Negeri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi kepada Majlis;
 - (c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
 - (d) Pegawai Kewangan Negeri;
 - (e) ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi sumber air;
 - (f) ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi perkara alam sekitar;
 - (g) ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi perkara pertanian;
 - (h) ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi aktiviti atau bekalan air;
 - (i) Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
 - (j) Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri;
 - (k) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri;
 - (l) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri;
 - (m) tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri yang hendaklah mempunyai kepakaran dalam perkara yang berkaitan dengan sumber air; dan
 - (n) Pengarah Sumber Air Negeri yang hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis.
- (2) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Majlis.

- (3) Jadual boleh dipinda oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Penubuhan Jabatan Sumber Air Negeri

7. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jabatan bernama “Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan” bagi menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa yang termaktub di dalam Enakmen ini.

(2) Jabatan hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis dan hendaklah melaksanakan apa-apa arahan Majlis.

- (3) Fungsi Jabatan adalah untuk–

- (a) membangun, melaksana dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi;
- (b) mengendalikan penyelidikan berhubung dengan pengurusan, penggunaan efisien pembangunan dan pemuliharaan sumber air dan sumber di dalamnya;
- (c) menyediakan latihan dan mengadakan kemudahan untuk latihan berhubung dengan fungsi Jabatan;
- (d) menjaga kepentingan Negeri di dalam hal pembangunan, pengurusan penggunaan dan pemuliharaan sumber air;
- (e) mengurus dan mengawal pemasangan, pengendalian dan penyelenggaraan tempat dan peralatan kepunyaan Jabatan;
- (f) memberikan lesen atas syarat yang dianggap wajar oleh Jabatan kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubung dengan sumber air dan untuk mengawal selia pemegang lesen serta aktiviti mereka;
- (g) memberi penerangan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai pembangunan dan pemuliharaan sumber air;
- (h) menyiasat sebarang kejadian, kesalahan atau kemalangan yang berlaku di atas atau berhubung dengan suatu sumber air; dan
- (i) membuat apa-apa benda lain yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

- (4) Jabatan hendaklah mempunyai kuasa untuk—
- (a) mengendalikan tinjauan, membuat kajian daya maju dan mengumpul maklumat untuk penyelidikan dan penyediaan pelan pengurusan serta pemuliharaan mana-mana sumber air;
 - (b) mengatur dan mengawal selia mana-mana aktiviti perubahan sumber dan tindakan seseorang atau badan berkenaan mana-mana sumber air;
 - (c) menetapkan dan mengenakan fi dan apa-apa caj lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini;
 - (d) membina, menyelenggara, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan, atau kerja-kerja di dalam batasan mana-mana sumber air;
 - (e) membina, menyelenggara, memperbaiki, memulih dan membaik pulih sebarang kerja-kerja di luar batasan sumber air seperti yang diperlukan untuk perlindungan kerja-kerja kepunyaannya di dalam batasan mana-mana sumber air;
 - (f) mengawal selia pengeluaran lesen dan permit atas terma dan syarat yang dianggap wajar untuk masuk kepada atau keluar daripada sebarang kawasan yang ditetapkan atau dilindungi, atau untuk pelaksanaan aktiviti perubahan sumber di dalam batasan mana-mana sumber air dan untuk mengenakan bayaran fi bagi pengeluaran lesen atau permit itu;
 - (g) menyelaras kegiatan pihak berkuasa awam, pertubuhan pemegang kepentingan atau pemegang taruh dan mana-mana orang berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien dan pemuliharaan sumber air;
 - (h) melantik atau menggaji agen, penasihat teknikal, konsultan atau orang lain untuk mengendalikan apa-apa perkara atau memasuki kontrak bagi pelaksanaan apa-apa kerja, untuk perkongsian keuntungan atau usaha sama dengan mana-mana orang atau badan;
 - (i) memperolehi melalui pembelian, hadiah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma dan syarat yang dianggap wajar oleh Jabatan;

- (j) membuat apa-apa peraturan berkaitan dengan perkhidmatan dan tata tertib semua pegawai dan pekhidmatnya;
- (k) menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya suai manfaat untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasa yang boleh diwakilkan oleh Jabatan atau untuk memeriksa dan melaporkan kepada Jabatan berkenaan apa-apa hal yang berikutan atau berhubungan dengan mana-mana fungsi dan kuasa Jabatan di bawah Enakmen ini;
- (l) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Jabatan sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan atau dibuat di dalam pelaksanaan tugasnya atau untuk melaksanakan secara lebih berkesan tujuan Enakmen ini; dan
- (m) melaksanakan semua fungsi dan kuasa serta menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Pelantikan Pengarah dan pegawai lain

8. (1) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan hendaklah melantik mana-mana orang yang difikirkan layak dari kalangan Pegawai Tadbir Negeri sebagai Pengarah Sumber Air Negeri atas apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang boleh ditentukan olehnya.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan wajar, mana-mana pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud Enakmen ini.

Tugas Pengarah

9. (1) Pengarah, tertakluk kepada kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, hendaklah menjalankan kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan perjalanan fungsinya dan khususnya bagi—

- (a) menyediakan dan menyelaras penyediaan cadangan pembangunan yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bersepadu untuk menyokong permintaan bagi bantuan teknikal atau pembiayaan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;

- (b) melaksanakan kaji selidik, menjalankan kajian dan mengumpul maklumat bagi penyelidikan dan merangka pelan pengurusan;
- (c) membangunkan dan melaksanakan dasar sumber air di Negeri selaras dengan dasar sumber air negara;
- (d) mengemukakan laporan berkala kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai kedudukan dan keadaan sumber air di Negeri;
- (e) mengenal pasti kawasan tadahan sumber air dan menanda sempadan mereka;
- (f) menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang perisytiharan dan penandaan kawasan perlindungan;
- (g) menyediakan, meluluskan dan melaksanakan strategi dan pelan bagi penggunaan, pembangunan, pemuliharaan, pemulihan, pengurusan dan pengawalan sumber air;
- (h) menubuhkan mekanisme yang sesuai bagi pengurusan sumber air termasuk jawatankuasa, forum pemegang taruh dan kumpulan kerja;
- (i) menetapkan syarat, piawai, kriteria, garis panduan termasuk prosedur bagi pengurusan, kawalan dan pengawalseliaan apa-apa kerja yang berkaitan dengan kawasan tadahan, lembangan, kawasan perlindungan, peralatan, pemasangan, empangan, takungan, loji, vesel dan struktur yang akan dibina, dikendalikan, ditinggalkan atau dilupuskan di mana-mana sumber air;
- (j) menggalakkan dan menyokong pembentukan dan operasi organisasi pemegang taruh;
- (k) menyelaraskan aktiviti entiti Kerajaan dan organisasi pemegang taruh terhadap perkara yang berkaitan dengan pengurusan yang cekap, penggunaan lestari dan pemuliharaan sumber air;
- (l) menasihati Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis berkenaan dengan pemindahan air dari, di antara dan di kalangan negeri dan kepada atau daripada negara lain;

- (m) menasihati Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan sumber air yang dikongsi antara dua negeri atau lebih;
- (n) mengumpul, menyusun, menganalisis, menghimpun, menyenggara dan menyebarkan data dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Enakmen ini;
- (o) menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang ternyata kepada Pengarah perlu, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini; dan
- (p) menguatkuasakan Enakmen ini dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

(2) Mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen 8(2) dan diberikuasa oleh Pengarah sama ada secara am atau khasnya bagi tujuan tersebut bolehlah, bagi maksud-maksud Enakmen ini, menjalankan apa-apa kuasa yang disebut dalam perenggan (a) hingga (p) subseksyen (1) seperti yang ditetapkan dalam pemberian kuasa itu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini berkenaan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Pengarah di bawah Enakmen ini dan hendaklah menjadi kewajipan Pengarah untuk melaksanakan arahan tersebut.

Perwakilan kuasa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri

10. (1) Setiausaha Kerajaan Negeri boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai awam, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, semua atau mana-mana kuasa atau kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri oleh atau di bawah Enakmen ini.

(2) Suatu perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa mana-mana kuasa yang diwakilkan sedemikian.

(3) Suatu perwakilan boleh dibatalkan atau diubah pada bila-bila masa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN IV
PENGUNAAN SUMBER AIR

Tanggungjawab bagi sumber air

11. (1) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi sumber air di dalam Negeri termasuk tetapi tidak terhad kepada pembangunan lestari, pengurusan, penggunaan, kawalan, pemuliharaan dan pemulihan sumber air dan kawasan tadahannya.

(2) Jika mana-mana entiti Kerajaan atau pengendali swasta telah diberikan apa-apa tugas atau tanggungjawab sama seperti subseksyen (1) di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, ia hendaklah bekerjasama dengan, menyelaraskan dan membantu Pengarah dalam pelaksanaan fungsinya.

(3) Pengarah, bagi melaksanakan fungsinya dengan berkesan, boleh meminta mana-mana entiti Kerajaan atau pengendali swasta dalam Negeri itu—

- (a) memberi bantuan dan maklumat dalam milikan mereka sepertimana yang diperlukan oleh Pengarah;
- (b) melakukan siasatan sepertimana yang diperlukan;
- (c) untuk menggubal atau mengubah suai polisi, pelan, program atau strategi mereka agar konsisten dengan Enakmen ini;
- (d) untuk memasukkan ke dalam lesen, permit dan kelulusan yang dikeluarkan oleh entiti Kerajaan syarat dan keperluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Enakmen ini; dan
- (e) untuk menghendaki mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengemukakan laporan, yang mengandungi butiran dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah, berkaitan dengan kerja mereka.

Kawalan penggunaan sumber air

12. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain dan tertakluk kepada seksyen 17, tiada orang atau entiti Kerajaan dibenarkan untuk—

- (a) menstor air yang berpunca daripada mana-mana sumber air;

- (b) mengabstrak atau mengguna mana-mana sumber air;
- (c) mengembalikan apa-apa air yang telah digunakan ke dalam mana-mana sumber air;
- (d) melepaskan sisa atau air yang mengandungi sisa ke dalam sumber air melalui parit, paip, terusan, saluran kumbahan, betung alur keluar atau konduit lain;
- (e) melupuskan dengan apa-apa cara, air yang mengandungi sisa daripada, atau yang telah dipanaskan dalam apa-apa proses industri atau penjana kuasa, ke dalam sumber air; atau
- (f) mengubah dasar, tebing, aliran, pesisir atau ciri-ciri sumber air,

kecuali dibenarkan secara nyata melalui suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen ini setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri.

(2) Dalam penjalanan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), dan tertakluk kepada kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah boleh mengambil langkah dan mengenakan syarat yang difikirkan patut bagi melindungi dan mengawal sumber air termasuklah—

- (a) pembangunan lestari, penggunaan dan pemuliharaan dan pemeliharaan sumbernya;
- (b) pengagihan air yang adil dan saksama;
- (c) perlindungan sumber air dan kawasan tadahannya daripada pencemaran;
- (d) memastikan kebolehdapatan air bagi kegunaan yang bermanfaat; dan
- (e) langkah mitigasi dan kawalan bahaya air termasuklah banjir, kemarau, hakisan pantai dan sungai, lubang benam, pemendapan tanah, tanah runtuh dan tsunami.

(3) Tiada orang boleh memindahkan apa-apa air yang telah disimpan kepada mana-mana orang lain kecuali dibenarkan melalui suatu lesen di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain dan tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan oleh Pengarah.

(4) Pengarah boleh, selepas mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, atas permintaan orang yang telah diberi lesen untuk menggunakan air di bawah Enakmen ini, membenarkan orang itu secara sementara dan dengan syarat yang boleh ditentukan oleh Pengarah, untuk menggunakan sebahagian atau keseluruhan air itu bagi maksud yang berlainan, atau untuk membenarkan penggunaan sebahagian atau keseluruhan air itu di premis yang lain dalam kawasan yang sama bagi maksud yang serupa.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (3) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(6) Sekiranya terdapat syarat-syarat kawalan atau pelesenan yang dikeluarkan oleh mana-mana entiti Kerajaan yang bercanggah dengan apa-apa syarat kawalan yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini, syarat-syarat di bawah Enakmen ini hendaklah mengatasi.

Pengabstrakan air tanah

13. (1) Tiada orang boleh mengabstrak air tanah atau menjalankan apa-apa kerja yang berkaitan dengan air tanah seperti mengorek, menggerudi, menggali atau dengan cara lain membuat sebuah perigi untuk tujuan mengambil air darinya melainkan dibenarkan melalui suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 12.

(2) Untuk tujuan subseksyen (1), perigi tidak termasuk sebuah perigi yang boleh mengeluarkan air kurang daripada 2,500 liter air sehari dan digunakan untuk tujuan domestik.

(3) Pengarah dalam mengeluarkan lesen sebagaimana subseksyen (1), boleh mengeluarkannya tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh Setiausaha Kerajaan Negeri kepada mana-mana orang untuk mengorek, menggerudi, menggali atau dengan cara lain membuat sebuah perigi atas bayaran fi yang ditetapkan.

(4) Mana-mana orang yang gagal mendapatkan lesen daripada Pengarah di bawah subseksyen (1) atau melanggar mana-mana syarat mengenai lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dan sebagai tambahan dikenakan denda satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari sepanjang kegagalan atau pelanggaran itu berterusan.

(5) Pengarah boleh memerintahkan melalui notis bertulis mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) untuk menimbus atau dengan cara lain memusnahkan perigi itu dalam tempoh yang ditentukan dalam notis.

(6) Seseorang yang kepadanya notis telah dikeluarkan di bawah subseksyen (5) gagal mematuhi notis dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tersebut, Pengarah boleh menimbus atau dengan cara lain memusnahkan perigi itu dan memperolehi balik perbelanjaan yang kena dibayar daripada orang itu.

(7) Mana-mana orang yang kepadanya suatu lesen telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) bagi menjalankan apa-apa kerja yang berkaitan dengan air tanah hendaklah mengemukakan satu salinan laporan teknikal berkaitan dengan kerja itu kepada Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

Lencongan, halangan, gangguan aliran air semula jadi

14. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada orang atau entiti Kerajaan boleh, kecuali dibenarkan melalui suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah, setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, menjalankan apa-apa kerja yang boleh melencong, mengganggu, atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air.

(2) Jika berlaku apa-apa lencongan, gangguan atau halangan yang mengganggu aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air, pemunya atau penghuni tanah itu hendaklah, jika tiada apa-apa bukti sebaliknya, dianggap telah membuat lencongan, gangguan atau halangan itu.

(3) Suatu lesen untuk melencong, mengganggu atau menghalang air dari sungai untuk menjana tenaga elektrik boleh diberikan oleh Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Seseorang pemohon bagi lesen di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan perlombongan, pengkuarian, pengurusan jeti dan dermaga, pelancongan dan pertanian yang mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan lencongan, halangan atau gangguan hendaklah, sebelum membuat permohonan kepada pihak berkuasa berkenaan, mengemukakan kepada Pengarah butiran cadangan kerja yang ingin dilaksanakan beserta dengan hasil kajian oleh pakar yang boleh diterima oleh Pengarah menunjukkan bahawa kerja itu adalah lestari.

(5) Setelah pemeriksaan butir-butir yang dikemukakan di bawah subseksyen (4), Pengarah hendaklah memberikan ulasan bertulis tentang kerja itu kepada pihak berkuasa berkenaan sama ada kerja tersebut tertakluk atau tidak kepada suatu lesen di bawah subseksyen (1) dan sekiranya kerja itu adalah tertakluk kepada lesen tersebut, pihak berkuasa berkenaan hendaklah mensyaratkan supaya pemohon memperoleh lesen tersebut terlebih dahulu sebelum pihak berkuasa berkenaan memberikan kelulusan permohonan tersebut.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (4) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Pengarah berkaitan sumber air dan kawasan tadahan

15. (1) Sekiranya pada pendapat Pengarah, mana-mana kerja, struktur atau premis, di dalam sumber air atau di dalam kawasan tadahannya menyebabkan pengurangan kepada isipadu atau aliran air, kemerosotan kualiti air atau mempunyai kesan buruk kepada penggunaan air dan pemuliharaan sumber air, Pengarah boleh mengarahkan orang yang melaksanakan kerja itu atau pemunya atau penghuni struktur atau premis—

(a) untuk mengubah suai atau memberhentikan kerja itu; atau

(b) untuk mengubah suai, menempatkan semula atau mengalihkan struktur atau premis itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana premis atau struktur yang dibina atau didirikan bertentangan dengan seksyen ini boleh dialihkan atau menyebabkan untuk dialih dengan arahan Pengarah dan kos pengalihan itu hendaklah ditanggung oleh orang itu.

Kuasa untuk mengenakan caj

16. (1) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan di dalam Warta, mengenakan caj atas—

(a) kegunaan air dari mana-mana sumber air termasuk, tetapi tidak terhad kepada pengabstrakan, pelepasan, penyaliran, pelencongan dan penakungan air; dan

- (b) mengembalikan air atau pelepasan sisa, efluen atau apa-apa pencemar ke dalam mana-mana sumber air atau sistem saliran tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah undang-undang bertulis berkaitan penjagaan alam sekitar.

(2) Caj di bawah subseksyen (1) hendaklah berdasarkan kepada strategi penentuan harga yang diterima pakai oleh Pengarah untuk membiayai pelaksanaan pengurusan sumber air bersepadu termasuklah—

- (a) pembangunan dan penggunaan sumber air secara lestari;
- (b) kos pelbagai kawalan, pelan dan program;
- (c) bagi mencapai pembahagian air yang adil dan saksama;
- (d) penerimgunaan langkah pencegahan dan mitigasi untuk mengawal kesan kerja kepada alam sekitar; dan
- (e) kos pemuliharaan dan pemulihan mana-mana sumber air.

(3) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengecualikan mana-mana orang atau kumpulan orang daripada pembayaran semua atau sebahagian caj melalui permohonan bertulis untuk pengecualian yang dibuat oleh orang itu atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) Pengarah boleh, jika sekiranya kerja di bawah perenggan (1) (a) atau (b) belum diukur atau mana-mana peranti yang digunakan untuk mengukur gagal menentukan jumlah secara tepat, membuat anggaran jumlah air yang digunakan, dikembalikan atau dilepaskan, mengikut mana yang berkenaan, oleh orang itu untuk apa-apa tempoh dan orang itu hendaklah membayar caj yang berkenaan yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(5) Sekiranya apa-apa caj yang dikenakan di bawah subseksyen (1) masih belum dibayar dan tertunggak lebih daripada enam puluh hari, Pengarah boleh mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menghentikan penggunaan, pengembalian atau pelepasan air, sisa, efluen atau pencemar, mengikut mana yang berkenaan.

(6) Apa-apa caj yang masih belum dibayar dan tertunggak boleh dituntut sebagai hutang yang terakru kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui tindakan sivil dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten.

Hak terhadap air bagi maksud sara diri

17. (1) Pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah boleh, tanpa lesen atau bayaran caj, mengabstrak air secukupnya bagi penggunaan isi rumah dan pertanian sara diri daripada air tanah di bawah premis atau tanahnya atau daripada sungai atau badan air yang menghadap premis atau tanah yang dipunyai atau dihuni olehnya dengan syarat bahawa—

- (a) ia tidak menyebabkan halangan kepada atau lencongan yang ketara terhadap aliran air dalam sungai atau badan air;
- (b) bagi maksud kegunaan pertanian sara diri, jumlah yang diabstrak dalam satu hari hendaklah tidak melebihi sepuluh ribu liter atau suatu jumlah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa;
- (c) bagi maksud kegunaan isi rumah, jumlah yang diabstrak dalam satu hari hendaklah tidak melebihi dua ribu lima ratus liter atau suatu jumlah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pengecualian di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak terpakai sekiranya Pengarah menentukan bahawa pengabstrakan itu menimbulkan ancaman yang serius kepada kebolehdapatan atau kualiti air atau kepada persekitaran air.

(3) Pengarah boleh mengarahkan mana-mana orang yang melaksanakan hak yang diberi di bawah seksyen ini untuk memasang dan mengendalikan suatu peranti untuk mengawal selia atau memantau penggunaan air.

(4) Bagi maksud seksyen ini, terma—

“kegunaan pertanian sara diri” ertinya aktiviti pertanian bagi tujuan menyara sebuah keluarga atau sekumpulan keluarga termasuklah transaksi perdagangan di tahap sara diri, tetapi tidak termasuk perusahaan pertanian perdagangan yang melibatkan penanaman berladang atau penternakan haiwan.

Kawalan pembaziran air

18. (1) Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada mana-mana orang atau entiti Kerajaan untuk mengambil langkah yang bersesuaian untuk mengelakkan air yang diambil daripada suatu sumber air daripada dibazirkan atau digunakan secara tidak wajar.

(2) Mana-mana orang atau entiti Kerajaan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dibuat di bawah seksyen ini.

(3) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR****Penyediaan pelan pengurusan dan pembangunan**

19. (1) Pengarah hendaklah, dengan kerjasama dan penglibatan pemegang taruh yang berkenaan dan selepas berunding dengan Majlis, menyediakan atau menyebabkan untuk disedia suatu pelan pengurusan dan pembangunan bagi mana-mana sumber air menurut keutamaan, kawasan geografi dan tempoh waktu sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap pelan pengurusan dan pembangunan hendaklah termasuk—

- (a) suatu pernyataan objektif pelan yang termasuklah penggunaan dan pemuliharaan lestari semua sumber;
- (b) rujukan kepada polisi dan pelan sedia ada termasuklah rancangan struktur, pelan pengurusan hutan dan rancangan tempatan yang mempunyai kesan terhadap sumber air;
- (c) pengenalpastian dan persempadanan kawasan tadahan sumber air;
- (d) status kuantiti dan kualiti sumber air termasuklah keadaan semasa dan arah aliran pembangunan;

- (e) aktiviti dan pembangunan yang secara ketara mempengaruhi kelestarian, kuantiti dan kualiti sumber dan penilaian kesannya;
- (f) objektif kuantiti dan kualiti bagi sumber air;
- (g) strategi dan langkah-langkah bagi pengurusan sumber air termasuklah perlindungan, pemuliharaan, pemulihan, pembangunan dan penggunaan sumber air;
- (h) kajian terhadap permintaan bekalan air;
- (i) bidang keberhasilan utama dan penunjuk prestasi bagi pencapaian objektif dan pelaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan di bawah pelan pengurusan dan pembangunan;
- (j) pengenalpastian rizab sungai, kawasan perlindungan yang dirujuk dalam seksyen 25; dan
- (k) apa-apa perkara lain yang Majlis boleh memohon untuk dimasukkan.

(3) Suatu pelan pengurusan dan pembangunan hendaklah disediakan bagi setiap lembangan sungai dan, setelah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, sah untuk tempoh selama sepuluh tahun.

(4) Sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (3), Pengarah hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, melaksanakan kajian semula pelan pengurusan dan pembangunan dan mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.

(5) Walau apa pun jua subseksyen (3) dan (4), pelan pengurusan dan pembangunan boleh dikaji semula, diubah, dipinda atau diganti dengan suatu pelan pengurusan dan pembangunan baru pada bila-bila masa sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

Ulasan dan bantahan daripada orang awam

20. (1) Setelah draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan bagi kajian semula, perubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan lembangan sungai atau badan air sedia ada telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh—

- (a) menyiarkan, tiga keluaran dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar tempatan, yang satu daripadanya hendaklah surat khabar dalam bahasa kebangsaan, suatu notis yang menyatakan bahawa salinan draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan sedia ada adalah tersedia untuk pemeriksaan di pejabat Pengarah dan di tempat lain yang Pengarah boleh tetapkan dan tempoh bagi mengemukakan ulasan dan bantahan terhadap pelan itu kepada Pengarah; dan
- (b) membuat salinan draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan sedia ada tersedia untuk pemeriksaan oleh orang awam di tempat yang dinyatakan dalam notis.

(2) Semua ulasan dan bantahan kepada draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan sedia ada hendaklah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis dan tempoh itu hendaklah tidak kurang daripada satu bulan dari tarikh penyiaran pertama notis di bawah perenggan (1) (a).

(3) Pengarah hendaklah mengemukakan untuk pertimbangan Majlis untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri, semua ulasan dan bantahan yang diterima daripada orang awam berkenaan dengan draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan sedia ada dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah kemudiannya memutuskan sama ada draf pelan pengurusan dan pembangunan atau cadangan kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada pelan pengurusan dan pembangunan sedia ada perlu disemak semula, diubah, dipinda atau ditarik balik.

(4) Jika suatu pelan pengurusan dan pembangunan bagi suatu lembangan sungai atau badan air diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pelan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Notis kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengenai pelan pengurusan dan pembangunan hendaklah disiarkan dalam Warta dan dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar tempatan, satu daripadanya hendaklah surat khabar dalam bahasa kebangsaan bersama-sama dengan suatu kenyataan tempat di mana pelan pengurusan dan pembangunan itu boleh diperiksa.

(6) Untuk tujuan seksyen ini, Pengarah bolehlah mendapatkan laporan atau ulasan daripada pihak-pihak lain yang berkenaan.

Pelan pengurusan dan pembangunan bagi sumber air antara negeri

21. (1) Pengarah hendaklah, jika mana-mana sumber air tidak terletak secara keseluruhannya dalam Negeri, melaksanakan penyediaan pelan pengurusan dan pembangunan secara bersama dan rundingan dengan Negeri yang berkenaan.

(2) Pengarah hendaklah berunding dengan Majlis dalam menyediakan pelan pengurusan dan pembangunan di bawah subseksyen (1).

(3) Jika Negeri-Negeri tidak dapat menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perbalahan dalam menyediakan pelan pengurusan dan pembangunan di bawah subseksyen (1), Majlis boleh merujuk perkara itu kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar untuk diselesaikan.

(4) Apa-apa pelan pengurusan dan pembangunan yang dipersetujui di bawah subseksyen (3) hendaklah dilaksanakan oleh semua Negeri itu di mana sumber air itu terletak.

Pelaksanaan pelan pengurusan dan pembangunan oleh entiti Kerajaan

22. (1) Jika suatu pelan pengurusan dan pembangunan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, entiti Kerajaan yang berkenaan dalam Negeri itu hendaklah mengambil tindakan untuk melaksanakan langkah-langkah pelan itu yang menghendaki tindakan oleh entiti Kerajaan yang berkenaan, dan hendaklah melaksanakan fungsinya dalam cara yang memberi kesan kepada objektif suatu pelan itu.

(2) Jika Pengarah mengenal pasti kekurangan kemajuan dalam pelaksanaan pelan pengurusan dan pembangunan, Pengarah hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri boleh memohon entiti Kerajaan yang berkenaan untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu atau langkah-langkah sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

Kecekapan penggunaan sumber air

23. (1) Pengarah boleh membangun dan melaksana amalan cekap bagi pemuliharaan, kawalan dan penggunaan lestari sumber air.

(2) Pengarah hendaklah, dalam membangunkan dan melaksanakan amalan cekap, mengambil kira—

(a) kebolehdapatan sumber dan hasil lestari;

- (b) apa-apa pelan pengurusan dan pembangunan yang dibuat di bawah seksyen 19 dan 21;
- (c) kemarau, banjir atau perubahan lain daripada situasi normal termasuklah kesan perubahan iklim;
- (d) faktor ekonomi dan sosial yang memberi kesan kepada manusia;
- (e) kemajuan teknologi;
- (f) keupayaan institusi;
- (g) masa, kos, personel dan pembiayaan untuk melaksanakan langkah-langkah itu; dan
- (h) pelan, program, garis panduan, piawaian, kriteria, prosedur dan metodologi yang dicadangkan oleh Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran.

(3) Pengarah boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang atau entiti Kerajaan untuk menerima guna dan melaksana amalan cekap sebagaimana yang ditentukan menurut subseksyen (2).

(4) Walau apa pun jua peruntukan seksyen 16, Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh, bagi tujuan menggalakkan amalan cekap mengenakan suatu caj yang berlainan terhadap orang yang menerima guna amalan itu.

Larangan pencemaran sumber air

24. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara nyata di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun boleh, kecuali di bawah suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, menyebabkan kemasukan atau pelepasan apa-apa pencemar ke dalam—

- (a) mana-mana sumber air; atau
- (b) mana-mana tanah dalam keadaan yang boleh menyebabkan apa-apa pencemar memasuki sumber air.

(2) Jika apa-apa kemasukan atau pelepasan yang diterangkan dalam subseksyen (1) telah dilakukan, pemunya atau penghuni premis atau tanah daripada mana kemasukan atau pelepasan itu berasal hendaklah, melainkan dibuktikan sebaliknya, dianggap telah menyebabkan kemasukan atau pelepasan itu.

- (3) Apabila memberikan lesen di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah—
- (a) memastikan bahawa pelepasan yang dibenarkan tidak akan menjadi apa-apa ancaman kepada atau kesan ke atas kualiti, kuantiti atau aliran air atau sumber dalam sumber air;
 - (b) mengambil kira kriteria kualiti air yang berkenaan, syarat dan objektif yang dinyatakan dalam pelan pengurusan dan pembangunan yang terpakai atau sebaliknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Enakmen ini;
 - (c) mengambil kira kesan kumulatif semua pelepasan ke dalam air yang menerima; dan
 - (d) mengambil kira piawaian, kriteria, manual dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan.
- (4) Tiap-tiap entiti Kerajaan yang mengeluarkan lesen bagi pelepasan pencemar ke dalam mana-mana sumber air hendaklah memastikan dan mengambil kira syarat yang dinyatakan di bawah subseksyen (3).
- (5) Jika apa-apa pencemaran berlaku disebabkan oleh apa-apa kerja, pemegang lesen, orang, pemunya, penghuni atau entiti Kerajaan yang melaksanakan kerja atau bertanggungjawab bagi kerja hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Pengarah dan dengan sendirinya mengambil semua langkah yang munasabah untuk meremеди dan memitigasi kesan buruk pencemaran.
- (6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan boleh, jika disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas notis oleh Pengarah menghendaki pematuhan telah disampaikan.

BAHAGIAN VI

KAWASAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR

Perisytiharan kawasan perlindungan

- 25.** (1) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytihar mana-mana kawasan tanah atau badan air atau sebahagiannya sebagai kawasan perlindungan—

- (a) rizab sungai;
- (b) kawasan pemuliharaan sumber air;
- (c) rizab pesisir;
- (d) kawasan tadahan;
- (e) dataran banjir;
- (f) kawasan tanah bermasalah;
- (g) kawasan pengambilan air; atau
- (h) medan telaga air tanah.

(2) Tiap-tiap perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1), kecuali bagi perenggan (a), hendaklah—

- (a) menentukan sempadan kawasan perlindungan;
- (b) menerangkan secara ringkas tujuan kawasan itu dirizabkan;
- (c) menerangkan jenis atau kelas kerja yang langkah-langkah yang dinyatakan akan terpakai;
- (d) menerangkan terma, syarat dan sekatan yang terpakai kepada kerja itu;
- (e) menerangkan jenis kerja yang dilarang; dan
- (f) menjadi keterangan muktamad bahawa kawasan yang dinyatakan itu dirizab untuk tujuan awam.

(3) Mana-mana entiti Kerajaan yang menjalankan apa-apa kerja dalam kawasan perlindungan termasuklah pemberi milikan, pecah bahagi, pecah sempadan, penyatuan, pengelasan atau pengubahan tanah dan penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan hendaklah memaklumkan dan mendapatkan nasihat Pengarah sebelum permulaan kerja itu.

(4) Tiada seorang pun atau entiti Kerajaan boleh, melainkan dibenarkan melalui suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, menjalankan apa-apa kerja dalam kawasan perlindungan yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1) melainkan kerja itu adalah daripada jenis yang Pengarah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytihar secara bertulis tidak memerlukan kelulusan.

(5) Pengarah boleh memerintahkan mana-mana orang yang menjalankan apa-apa kerja dalam kawasan perlindungan atau kawasan tadahan yang bersebelahan dengan kawasan perlindungan atau pemunya atau penghuni mana-mana premis, tanah atau struktur—

- (a) untuk mengubah suai, menempatkan semula atau memberhentikan kerja;
- (b) untuk mengubah suai, menempatkan semula atau mengalihkan struktur atau premis itu;
- (c) untuk memberhentikan pengalihan atau pelonggokan apa-apa sumber atau bahan;
- (d) untuk mengambil langkah-langkah untuk memperlahankan, mengurangkan atau menghalang air, efluen, sisa atau apa-apa bahan lain daripada dilepaskan atau dialirkan ke dalam kawasan perlindungan;
- (e) untuk menghentikan pembersihan tumbuhan, pokok dan tumbuhan riparian dan menghendaki penanaman jenis tumbuhan yang khusus;
- (f) untuk membuat penilaian kesan alam sekeliling daripada apa-apa kerja yang dicadangkan dan untuk melaksanakan langkah-langkah bagi mencegah, mengurangkan, meredakan atau mengawal apa-apa kesan yang menjejaskan alam sekeliling yang dikenal pasti;
- (g) untuk mengembalikan dan memulihkan kawasan perlindungan kepada keadaan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah; dan
- (h) untuk mengambil langkah-langkah lain sebagaimana yang Pengarah boleh nyatakan untuk menghalang kemerosotan sumber air.

(6) Jika tanah dalam kawasan perlindungan adalah tanah beri milik, Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkan sesuai, menyebabkan tanah itu diambil balik bagi maksud awam di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*].

(7) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(8) Apa-apa struktur atau premis yang dibina atau didirikan berlawanan dengan seksyen ini boleh dialih atau menyebabkan untuk dialih melalui perintah Pengarah dan kos pengalihan itu hendaklah ditanggung oleh orang itu.

(9) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “kawasan tanah bermasalah” bermaksud mana-mana tanah bersebelahan dengan sumber air di mana penurunan aras air tanah boleh menyebabkan penyusutan air, pemendapan tanah, pembakaran spontan dan kesan buruk lain.
- (b) “rizab pesisir” bermaksud tanah yang bersebelahan dengan perairan pantai sehingga enam puluh meter daripada takat air pasang perbani ke darat atau apa-apa jarak lain yang ditentukan di bawah subseksyen (2).

(10) Bagi maksud mengelakkan keraguan, seksyen ini hendaklah tidak terpakai kepada mana-mana kawasan tanah atau badan air atau sebahagiannya yang telah diwartakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Rizab sungai

26. (1) Bagi maksud Enakmen ini, rizab sungai hendaklah terdiri daripada kawasan tanah yang terletak dalam jarak lima puluh meter dari setiap tebing sungai ke darat atau jarak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta—

- (a) mengkaji semula jarak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dari semasa ke semasa;
- (b) mengubah jarak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi kawasan yang dibangunkan; dan
- (c) mengubah jarak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi kawasan yang terdedah kepada banjir dan kemasukan air pasang.

BAHAGIAN VII

KAWALAN BAHAYA AIR

Pengurusan air larian hujan

27. (1) Tiada seorang pun atau mana-mana entiti Kerajaan boleh menjalankan apa-apa kerja di atas tanah melainkan langkah-langkah telah disediakan untuk mengelak atau meminimum sumbangan kepada aliran puncak air larian hujan, hakisan tanah, kelodakan atau pencemaran sumber air.

(2) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi subseksyen (1) melakukan kesalahan dan hendaklah jika disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika kerja melibatkan pembangunan tanah atau pembinaan, mana-mana orang atau entiti Kerajaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain untuk membuat permohonan bagi kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan yang berkenaan berhubung dengan kerja itu hendaklah juga mengemukakan kepada Pengarah—

- (a) suatu pelan kerja tanah;
- (b) suatu Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak;
- (c) suatu pelan susun atur saliran yang menerangkan cadangan langkah di tapak untuk mengawal dan mengurangkan apa-apa kesan buruk akibat aliran puncak air larian hujan daripada tanah;
- (d) suatu laporan berkenaan saliran lestari yang mengandungi—
 - (i) suatu pengiraan sumbangan pembangunan dan kerja yang dicadangkan terhadap aliran puncak air larian hujan dan hasil kelodak dari tanah; dan
 - (ii) anggaran kos bagi pembinaan dan penyelenggaraan bagi infrastruktur saliran yang dicadangkan.

(4) Tiap-tiap pelan dan laporan yang disediakan di bawah subseksyen (3) hendaklah diakui sah oleh jurutera profesional dengan perakuan amalan dan mematuhi manual, prosedur, piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah kepada yang berkenaan.

(5) Setelah pemeriksaan butir-butir yang dikemukakan di bawah subseksyen (3), Pengarah hendaklah mengeluarkan ulasan secara bertulis tentang kerja itu kepada pihak berkuasa berkenaan, yang mana ulasan itu boleh termasuk pengesyoran kepada pihak berkuasa berkenaan bagi kelulusan atau penolakan permohonan itu atau untuk mengenakan apa-apa terma dan syarat atas kelulusan yang dikeluarkan olehnya.

(6) Bagi maksud seksyen ini, terma “pembangunan” ertinya penjalanan apa-apa kerja di dalam, atas, merentasi atau bawah mana-mana tanah, apa-apa perubahan material dalam guna tanah atau premis atau mana-mana bahagian premis itu, atau pecah bahagian, pecah sempadan atau penyatuan tanah.

Pengurusan banjir dan kemarau

28. Pengarah hendaklah mengambil langkah-langkah yang difikirkan patut bagi pengawalan dan pengurusan banjir dan kemarau termasuklah—

- (a) penerimgunaan langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan kesan banjir atau kemarau;
- (b) penerimgunaan arahan, garis panduan, piawaian dan manual;
- (c) menyediakan mekanisme bagi pengurusan bekalan air semasa kecemasan; dan
- (d) perkara lain sebagaimana yang perlu bagi kawalan dan pengurusan banjir atau kemarau yang sewajarnya.

Mitigasi bencana banjir

29. (1) Jika terdapat bahaya banjir yang akan melanda dan Pengarah berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengambil langkah-langkah untuk meminimumkan kerosakan yang boleh disebabkan oleh banjir itu, Pengarah, dengan nasihat dan bantuan daripada entiti kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab kepada keselamatan negara dan pertahanan awam, boleh—

- (a) memasuki premis atau tanah yang dikehendaki;
- (b) mengguna atau menyebabkan untuk diguna atau direkuisisi mana-mana bahan, kenderaan, haiwan atau peralatan;
- (c) melupus, memindah atau memusnah atau menyebabkan untuk dilupus, dipindah atau dimusnah apa-apa struktur, kerja atau halangan; dan
- (d) menghendaki mana-mana orang yang Pengarah fikirkan perlu untuk membantunya.

(2) Apa-apa kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang, pemunya atau penghuni premis atau tanah akibat daripada pelaksanaan kuasa yang diberi di bawah seksyen ini boleh dipampas oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi kerugian yang pada lazimnya ditanggung.

Tindakan semasa bencana banjir

30. (1) Semasa berlakunya bencana banjir, Pengarah hendaklah mengumpul, menyusun, menganalisis, menghimpun, menyenggara dan menyebarkan data dan maklumat untuk memastikan—

- (a) keterukan dan magnitud sesuatu banjir itu;
- (b) kawasan sebenar dan yang diramalkan terjejas akibat banjir itu; dan
- (c) tempoh masa penenggelaman yang sebenar dan yang diramalkan.

(2) Selepas mengesahkan maklumat yang dikumpulkan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah menasihatkan Kerajaan Negeri berkenaan strategi atau tindakan yang perlu diambil bagi meminimumkan risiko dan kesan banjir.

Tindakan semasa musim kemarau

31. (1) Jika berlakunya kekurangan bekalan air yang serius di mana-mana kawasan atau terdapat ancaman kekurangan bekalan air akan berlaku, Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui perintah secara bertulis—

- (a) mengarah mana-mana orang untuk mengabstrak air daripada mana-mana sumber air atau melepaskan air ke mana-mana tempat sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam perintah itu;
- (b) melarang atau mengehad pengabstrakan air oleh mana-mana orang daripada mana-mana sumber air atau pembekalan air kepada mana-mana orang, kumpulan orang atau kawasan sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah itu;
- (c) mengarah mana-mana orang untuk melaksanakan apa-apa kerja yang diperlukan bagi pelaksanaan apa-apa tugas atau pelaksanaan apa-apa kuasa yang dikenakan atau diberikan melalui perintah itu;
- (d) menggantung, mengubah atau mengubah suai apa-apa sekatan atau obligasi berkenaan dengan pengabstrakan dan pembekalan air.

(2) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminda, mengubah, melanjutkan, menggantung, menyekat atau menarik balik mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dengan syarat dan bagi tempoh masa tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya.

Pengurusan pencemaran sumber air akibat kemalangan

32. (1) Pengarah hendaklah menyediakan plan kecemasan bagi menangani pencemaran sumber air akibat kemalangan.

(2) Mana-mana sumber air yang menjadi tercemar akibat kemalangan yang berlaku terhadap mana-mana orang atau terhadap premis, vesel atau kenderaan milik mana-mana orang, kos untuk meremеди pencemaran tersebut dan segala kos berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh orang tersebut dan boleh dituntut oleh Pengarah.

(3) Untuk tujuan subseksyen (2), orang termasuklah individu, badan korporat, perkongsian am atau terhad, usaha sama, amanah, organisasi atau pertubuhan yang tak diperbadankan, kerajaan atau agensi kerajaan dan lain-lain.

Mitigasi pencemaran sumber air akibat kemalangan

33. (1) Jika berlakunya pencemaran sumber air yang disebabkan oleh suatu kemalangan yang mengakibatkan atau meningkatkan risiko pencemaran mana-mana sumber air yang signifikan, orang yang terlibat hendaklah dengan segera mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meminimumkan kesan atau risiko kepada sumber air dan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Pengarah atau pihak polis.

(2) Pengarah hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menangani ancaman pencemaran yang dinyatakan di dalam subseksyen (1) dan bagi mendapatkan bantuan, boleh mengeluarkan suatu arahan kepada mana-mana orang atau entiti Kerajaan untuk membantunya untuk berbuat sedemikian.

BAHAGIAN VIII

KAWALAN TERHADAP AKTIVITI LAIN

Kawalan terhadap aktiviti rekreasi

34. (1) Pengarah boleh, setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri, melainkan dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, menghendaki apa-apa aktiviti rekreasi atau riadah atas atau dalam mana-mana sungai atau badan air untuk dilesenkan.

(2) Pengarah boleh, bagi memastikan keselamatan awam dan perlindungan kepada alam sekitar, menentukan—

- (a) langkah-langkah untuk mencegah kerosakan kepada dasar, tebing, pesisir atau sumber dalam sungai atau badan air;
- (b) jenis peralatan yang boleh digunakan atas mana-mana sungai atau badan air termasuklah pemasangan dan kelengkapannya;
- (c) langkah-langkah untuk memastikan keselamatan pengendali dan orang yang terlibat dalam aktiviti rekreasi atau riadah;
- (d) langkah-langkah untuk mencegah bahaya atau kacau ganggu kepada mana-mana orang atau harta benda atau aktiviti lain yang dilesenkan termasuklah navigasi;
- (e) langkah-langkah pencegahan dan kawalan pencemaran; dan
- (f) caj bagi apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh Pengarah.

(3) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah tidak terpakai kepada apa-apa aktiviti rekreasi atau riadah bagi tujuan sara diri.

(4) Untuk tujuan seksyen ini, aktiviti rekreasi adalah termasuk navigasi, akuakultur, jeti dan struktur terapung.

BAHAGIAN IX

PROSEDUR BAGI PELESENAN, KELULUSAN DAN RAYUAN

Permohonan

35. (1) Permohonan bagi suatu lesen atau apa-apa pembaharuan lesen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang sebagaimana yang ditentukan dan hendaklah disertakan dengan yang berikut—

- (a) maklumat tentang sifat kerja itu;
- (b) maklumat tentang kesan kerja itu ke atas sumber air dan langkah-langkah yang dicadangkan untuk menghalang dan memitigasi apa-apa kesan buruk kerja itu;
- (c) maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Enakmen ini atau yang diminta secara bertulis oleh Pengarah; dan
- (d) fi yang sebagaimana ditetapkan.

(2) Pengarah boleh, pada bila-bila masa selepas suatu permohonan diterima, menghendaki pemohon itu untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan sebagaimana yang Pengarah fikirkan perlu.

(3) Jika apa-apa maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pengarah atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Pengarah, permohonan itu hendaklah dianggap ditarik balik dan hendaklah tidak diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan baru.

Ulasan dan bantahan awam ke atas kerja yang signifikan

36. (1) Pengarah hendaklah, tidak lebih daripada dua minggu selepas menerima suatu permohonan di bawah seksyen 35 Enakmen ini berkenaan dengan kerja signifikan, meminta pemohon itu untuk menyiarkan suatu notis dalam borang yang ditentukan oleh Pengarah, dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar tempatan, satu daripadanya hendaklah surat khabar dalam bahasa kebangsaan, mengandungi butiran permohonan dan tarikh akhir bagi membuat ulasan dan bantahan.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membuat apa-apa ulasan dan bantahan terhadap suatu permohonan bagi suatu lesen hendaklah berbuat sedemikian secara bertulis dan hendaklah—

- (a) menyatakan sebab bantahan itu; dan
- (b) membuat bantahan kepada Pengarah dalam tempoh empat minggu daripada tarikh penyiaran notis itu di bawah subseksyen (1).

(3) Pengarah boleh menghendaki pemohon itu untuk mengadakan forum awam untuk menjelaskan tentang kerja yang dirancang kepada orang awam dalam tempoh yang dinyatakan bagi membuat bantahan di bawah perenggan (2) (b).

(4) Pengarah hendaklah memberitahu pemohon itu secara bertulis tentang bantahan dan sebab bantahan itu, dan pemohon hendaklah, dalam tempoh tiga minggu daripada tarikh penerimaan pemberitahuan, membuat maklum balas bertulis kepada Pengarah berkenaan bantahan itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, kerja signifikan termasuklah—

- (a) apa-apa kerja yang pada pendapat Pengarah berkemungkinan mempunyai suatu kesan signifikan terhadap kualiti, kuantiti atau aliran air atau terhadap sumber;
- (b) pengabstrakan atau lencongan air yang, pada pendapat Pengarah, mempengaruhi kegunaan berfaedah;
- (c) mengimpaun air bagi apa-apa tujuan termasuklah empangan, amfang jajar dan pintu pasang surut;
- (d) pelepasan efluen atau pencemar ke dalam mana-mana sumber air pada suatu kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah setelah berunding dengan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling;
- (e) apa-apa kerja dan struktur yang boleh menghalang aliran air atau navigasi; dan
- (f) apa-apa kerja sebagaimana yang ditetapkan sebagai signifikan.

Kelulusan lesen

37. (1) Setiausaha Kerajaan Negeri boleh, selepas mengambil kira permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 35 dan maklumat tambahan yang diberikan di bawah subseksyen 35 (2) dan setelah mengambil kira ulasan dan bantahan di bawah subseksyen 36 (2) dan maklum balas bertulis di bawah subseksyen 36 (4), melulus atau menolak permohonan itu.

(2) Suatu keputusan muktamad, sama ada kelulusan atau penolakan permohonan itu, hendaklah dibuat secara bertulis tidak lebih daripada tiga bulan, atau enam bulan jika seksyen 36 terpakai, selepas Pengarah menerima permohonan itu.

(3) Keputusan di bawah subseksyen (2) hendaklah dimaklumkan kepada pemohon itu melalui notis secara bertulis seberapa segera yang mungkin.

(4) Jika permohonan itu ditolak, pemohon itu hendaklah dimaklumkan akan sebab penolakan itu dan haknya untuk merayu.

Pengeluaran lesen

38. (1) Pengarah boleh mengeluarkan suatu lesen tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan, termasuklah—

(a) apa-apa langkah khas yang akan diambil untuk menggalakkan penggunaan cekap sumber air, untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar; dan

(b) suatu pelan kecemasan yang memadai, dan pelan pengurusan alam sekitar termasuklah langkah-langkah jika berlakunya kepincangan kerja yang memberi kesan ke atas atau ancaman kepada sumber air, alam sekitar atau kesihatan awam.

(2) Suatu lesen boleh dikeluarkan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun.

(3) Dalam menentukan tempoh pengendalian suatu lesen, Pengarah hendaklah mempertimbangkan sifat, skala, tempoh dan kesan yang mungkin berlaku ke atas apa-apa sumber air daripada kerja yang dicadangkan.

Pembaharuan lesen

39. (1) Seorang pemegang lesen boleh memohon bagi pembaharuan lesennya dengan membuat suatu permohonan kepada Pengarah tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat lesen sedia ada.

(2) Apa-apa pembaharuan lesen hendaklah bagi tempoh tidak lebih daripada tempoh yang telah diluluskan bagi lesen itu dan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang Pengarah fikirkan patut.

(3) Pengarah bolehlah, setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri dan setelah menerima bayaran fi yang ditetapkan, memperbaharui lesen sedia ada kecuali dalam keadaan berikut—

- (a) pemegang lesen gagal untuk mematuhi dengan apa-apa peruntukan Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pemegang lesen gagal untuk mematuhi dengan apa-apa syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen mendapatkan lesen itu secara salah atau tidak sah;
- (d) pemegang lesen telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (e) seorang penerima, pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepatutnya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar aset pemegang lesen dan pelantikan itu tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Enakmen ini.

(4) Pengarah boleh meminta pemegang lesen untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki bagi permohonan pembaharuan dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(5) Jika maklumat atau dokumen yang diminta di bawah subseksyen (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Pengarah, Pengarah hendaklah tidak memperbaharui lesen itu.

(6) Jika permohonan untuk memperbaharui lesen itu ditolak, Pengarah hendaklah memaklumkan pemegang lesen secara bertulis dalam masa yang munasabah tentang penolakannya untuk memperbaharui lesen itu dan hak pemegang lesen untuk merayu.

Sekuriti

40. (1) Sebelum pengeluaran apa-apa lesen, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mendepositkan sejumlah wang sebagai sekuriti sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah bagi tujuan memastikan pematuhan terma dan syarat lesen dan Enakmen ini.

(2) Jika sekuriti sebagaimana yang telah ditentukan oleh Pengarah di bawah subseksyen (1) tidak didepositkan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah, tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

(3) Jika Pengarah beranggapan bahawa pemegang lesen itu telah melanggar apa-apa syarat lesen atau apa-apa peruntukan Enakmen ini, Pengarah boleh, melalui notis yang dikeluarkan kepada pemegang lesen, menghendaki pemegang lesen itu untuk membaiki atau meremеди pelanggaran atau keingkaran yang dinyatakan dalam notis itu dalam tempoh yang dinyatakan.

(4) Jika pemegang lesen gagal untuk membaiki atau meremеди pelanggaran atau keingkaran yang dinyatakan dalam notis itu, Pengarah hendaklah merampas sebahagian atau kesemua sekuriti tanpa menjejaskan kuasa Pengarah berhubung dengan pembatalan atau penamatan suatu lesen masing-masing di bawah seksyen 44 dan 45 Enakmen ini.

(5) Sekuriti yang didepositkan di bawah seksyen ini hendaklah kekal sah bagi sepanjang tempoh lesen itu termasuklah apa-apa tempoh pembaharuan yang diluluskan oleh Pengarah.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (4), sekuriti hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen setelah tamat tempoh lesen itu atau jika pemegang lesen menyerahkan lesennya, tertakluk kepada pematuhan syarat lesen atau apa-apa peruntukan Enakmen ini.

(7) Walau apa pun tindakan yang diambil di bawah subseksyen (4), amaun sekuriti hendaklah dikekalkan sebagaimana amaun asal yang didepositkan di bawah subseksyen (1) pada setiap masa.

Daftar lesen

41. (1) Pengarah hendaklah menyimpan suatu daftar semua lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

- (2) Daftar itu hendaklah mengandungi butiran lesen termasuklah—
- (a) apa-apa perintah pengecualian untuk kehendak pelesenan;
 - (b) apa-apa syarat khas yang dinyatakan dalam lesen itu;
 - (c) apa-apa pengenaan syarat tambahan, perubahan atau pembatalan syarat;
 - (d) apa-apa notis bertulis oleh pemegang lesen yang menyerahkan kembali lesen itu;
 - (e) apa-apa pembatalan atau penamatan lesen itu;
 - (f) apa-apa pembaharuan lesen itu;
 - (g) jumlah fi yang dibayar untuk lesen itu; dan
 - (h) jumlah sekuriti yang didepositkan atau dirampas, jika ada.

Obligasi pemegang lesen

42. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen dan apa-apa syarat lain yang ditentukan di bawah Enakmen ini.

(2) Pengarah boleh menghendaki pemegang lesen, atau jika pemegang lesen itu adalah sebuah badan korporat, pengarah atau pengurus pemegang lesen itu, untuk memperakui dalam laporan tahunan yang difaillkan dengan Pengarah bahawa—

- (a) pemegang lesen adalah mematuhi syarat lesen dan peruntukan Enakmen ini dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah atau pengurusnya bahawa laporan itu tidak mempunyai apa-apa kenyataan fakta material yang tidak benar atau apa-apa peninggalan yang boleh menyebabkan mana-mana bahagian laporan itu mengelirukan; dan
- (b) terdapat kawalan dalaman yang mencukupi yang diwujudkan yang mana pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah atau pengurus, bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua maklumat material berhubung dengan pematuhan oleh pemegang lesen terhadap syarat lesen atau peruntukan Enakmen ini dimaklumkan kepada pengarah atau pengurus yang memperakui laporan itu.

Pengubahan syarat dalam lesen

43. (1) Pengarah boleh, dengan kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri pada bila-bila masa—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan terhadap lesen; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan terhadap lesen.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pengarah boleh mengambil kira perkara-perkara berikut—

- (a) maklumat baru yang diperolehi menunjukkan kesan buruk terhadap sumber atau alam sekitar;
- (b) perubahan dalam perundangan yang memperuntukkan piawaian dan keperluan baru;
- (c) teknologi baru telah tersedia yang membenarkan kawalan dan mitigasi pencemaran alam sekeliling yang lebih baik; atau
- (d) keselamatan operasi bagi kerja yang dilesenkan menghendaki kaedah dan teknologi alternatif yang akan digunakan.

(3) Jika Pengarah berhasrat untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen, suatu notis bertulis tentang hasratnya untuk berbuat sedemikian dan suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(4) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, dan selepas mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen, Pengarah hendaklah mengesyorkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat di bawah subseksyen (1).

(5) Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen, suatu notis bertulis tentang keputusan di bawah subseksyen (4) dalam masa yang munasabah dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada suatu tarikh yang akan dinyatakan di dalam notis bertulis itu.

Pembatalan

44. (1) Pengarah boleh, setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri membatalkan suatu lesen di bawah apa-apa keadaan yang berikut—

- (a) pemegang lesen telah membuat suatu kenyataan salah atau mengelirukan dalam permohonan, bahan-bahan, maklumat atau pelan yang dikemukakan dalam menyokong permohonan itu;
- (b) apa-apa terma atau syarat yang dikenakan dalam lesen telah dimungkiri;
- (c) pemegang lesen gagal untuk mematuhi dengan mana-mana peruntukan Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya;
- (d) pemegang lesen tidak membayar fi atau caj yang dikenakan di bawah Enakmen ini;
- (e) pemegang lesen tidak mampu membayar atau menanggungkan bayaran atau membuat apa-apa perkiraan atau penyusunan dengan pemiutangnya yang pada pendapat Pengarah operasi pemegang lesen boleh terjejas, atau wujud fakta atau keadaan yang pada pendapat Pengarah berkemungkinan akan menjurus kepada keadaan itu;
- (f) kerja itu adalah bagi suatu maksud yang tidak sah, bertentangan dengan apa-apa perintah mahkamah atau menjejaskan kepentingan awam;
- (g) berlaku perkara yang menyebabkan tujuan sesuatu lesen tidak dapat dilaksanakan; atau
- (h) sekiranya sesuatu projek tidak dimulakan dalam masa dua tahun.

(2) Sebelum Pengarah membuat suatu keputusan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen—

- (a) suatu notis bertulis tentang hasrat Pengarah untuk membatalkan lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak melebihi tiga puluh hari daripada tarikh notis bertulis itu disampaikan.

(3) Pengarah boleh, selepas mengeluarkan suatu notis di bawah perenggan 2 (a), memerintahkan pemegang lesen itu untuk memberhentikan apa-apa kerja sementara menunggu keputusan sama ada untuk membatalkan lesen itu atau tidak.

(4) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Pengarah hendaklah, selepas mempertimbangkan apa-apa representasi bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu, memutuskan sama ada untuk membatalkan lesen itu atau tidak.

(5) Pengarah hendaklah memaklumkan kepada pemegang lesen itu melalui suatu notis bertulis tentang keputusan Pengarah di bawah subseksyen (3) seberapa segera yang boleh.

(6) Pemegang lesen hendaklah tidak berhak kepada apa-apa bentuk ganti rugi jika lesen itu dibatalkan menurut subseksyen (1).

Penamatan

45. Suatu lesen dianggap ditamatkan jika—

- (a) tempoh lesen yang dikeluarkan itu telah tamat dan belum diperbaharui;
- (b) pemegang lesen telah menyerahkan kembali lesen itu;
- (c) lesen itu telah dibatalkan di bawah seksyen 44 dan rayuan bagi pembatalan itu, jika ada telah ditolak oleh Jabatan Rayuan; atau
- (d) terdapat suatu perintah mahkamah yang muktamad menghalang pelaksanaan kerja itu.

Rayuan

46. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

- (a) suatu keengganan untuk memberi suatu lesen di bawah Enakmen ini;
- (b) suatu keengganan untuk memperbaharui suatu lesen di bawah Enakmen ini;
- (c) pengenaan atau pengubahan apa-apa syarat dalam suatu lesen; atau
- (d) pembatalan suatu lesen;

boleh merayu kepada Majlis.

(2) Suatu rayuan kepada Majlis hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh pemberitahuan tentang keputusan Pengarah itu.

(3) Majlis boleh bersidang bagi maksud mendengar rayuan berkenaan dengan subseksyen (1).

Prosedur Rayuan

47. Majlis dalam mendengar rayuan bolehlah memutuskan prosedurnya sendiri.

Prosiding

48. (1) Tiap-tiap rayuan kepada Majlis hendaklah didengar dan diputuskan dalam mesyuarat Majlis atau mesyuarat mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis untuk tujuan tersebut.

(2) Tiada ahli yang boleh hadir dan menyertai prosiding rayuan jika perkara tertentu terhadap rayuan itu berhubung dengan perkara yang ahli itu mempunyai kepentingan, dan ahli itu hendaklah dengan segeranya menzahirkan kepentingannya kepada pengerusi mesyuarat.

(3) Seorang ahli yang ada mempunyai suatu kepentingan dalam apa-apa perkara yang dibentangkan di hadapan Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis hendaklah menzahirkan kepada Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis fakta tentang kepentingannya dan jenis kepentingannya itu dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dan ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding rayuan berhubung dengan perkara itu.

Rayuan tidak menjadi suatu penangguhan tindakan

49. Suatu rayuan kepada Majlis hendaklah tidak beroperasi sebagai suatu penggantungan kecuali jika suatu perintah pengantungan telah diberikan oleh Majlis atas terma yang difikirkannya patut.

Keputusan Majlis

50. Suatu keputusan Majlis adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak dan tidak boleh dirayukan selanjutnya.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

Pegawai yang diberi kuasa

- 51.** (1) Kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai yang diberi kuasa.
- (2) Bagi maksud Enakmen ini, seorang pegawai yang diberi kuasa ertinya—
- (a) Pengarah; dan
 - (b) mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa penyiasatan

- 52.** (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk melaksanakan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.
- (2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya, mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa berhubungan dengan penyiasatan polis, dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].
- (3) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai menghadkan atau memberi kesan kepada mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Bukti kuasa

- 53.** Dalam menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini, seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah, atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia menjalankan kuasa atau daripada siapa dia meminta apa-apa maklumat, bukti kuasanya.

Kuasa untuk masuk, menggeledah, memeriksa dan merampas

- 54.** (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Inspektor boleh memasuki mana-mana premis bagi maksud yang berikut—

- (a) memantau apa-apa aktiviti yang dikawal selia oleh Enakmen ini;
- (b) menjalankan apa-apa kajian atau aktiviti pengumpulan data mengikut Enakmen ini; atau
- (c) mengambil bacaan meter, ukuran atau sampel berkenaan dengan apa-apa perkara bagi maksud Enakmen ini.

(2) Sekiranya Pengarah atau mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam subseksyen (1) berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, dia boleh, sekiranya dia berpendapat bahawa ianya perlu untuk tujuan penyiasatan kesalahan itu, tanpa waran, memberhenti dan menggeledah mana-mana orang, dan memberhenti, menaiki dan menggeledah mana-mana kenderaan atau vesel, atau memasuki mana-mana premis, dan boleh—

- (a) mencari, memeriksa, menyiasat, merampas atau menahan mana-mana peralatan, komputer, atau loji perindustrian;
- (b) memeriksa, menyiasat, membuat salinan, merampas, menahan atau menyita mana-mana dokumen, data berkomputer, rekod, buku, lesen, permit, sijil atau dokumen yang dia percaya adalah perlu bagi menjalankan suatu penyiasatan ke atas kesalahan itu berhubungan dengan—
 - (i) perjalanan atau penggunaan mana-mana peralatan atau loji perindustrian;
 - (ii) bahan pencemar atau bahan buangan atau;
 - (iii) apa-apa perkara yang dikehendaki untuk dilakukan di atas sesuatu kenderaan atau vesel di bawah Enakmen ini atau di bawah undang-undang bertulis yang lain;
- (c) memeriksa, menyiasat, merampas atau menahan mana-mana bahan buangan atau bahan pencemar dan mana-mana kenderaan atau vesel yang digunakan dalam pengangkutan bahan buangan atau bahan pencemar itu;
- (d) membuat inkuiri dan pemeriksaan fizikal terhadap kenderaan, vesel, peralatan, perkakas, stor serta kargo sebagaimana perlu;
- (e) membuat salinan, atau mengambil ekstrak dari apa-apa buku, rekod atau dokumen yang telah dirampas atau ditahan;

- (f) memeriksa, menyiasat atau mengambil contoh mana-mana bahan yang digunakan, atau yang berkemungkinan akan digunakan atau selalu digunakan di dalam mana-mana perniagaan, industri atau proses yang dijalankan di atas atau di dalam kenderaan, vesel atau premis; dan
- (g) mengambil contoh atau mengarah agar diambil contoh mana-mana bahan, material atau benda daripada sebarang bahan pencemar atau bahan buangan yang dipancarkan, dilepaskan atau didepositkan, atau yang berkemungkinan dipancarkan, dilepaskan atau didepositkan dari kenderaan, vesel atau premis itu.

(3) Pengarah atau mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu senarai menyatakan mana-mana dokumen atau benda yang dirampas, ditahan atau disita tersebut yang hendaklah ditandatangani olehnya dan satu salinan senarai tersebut hendaklah diserahkan kepada pemunya atau penghuni premis, vesel atau kenderaan atau pekerja atau ejennya.

(4) Sekiranya kemasukan atau akses sebagaimana dirujuk dalam subseksyen (2) dihalang dalam apa-apa cara sekalipun, Pengarah atau mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam subseksyen (1) boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Majistret—

- (a) membuka mana-mana pintu luar atau pintu premis, vesel atau kenderaan dan masuk ke dalamnya;
- (b) menggunakan kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengegedahan, penyitaan dan pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah subseksyen (2); dan
- (d) memecah buka apa-apa bekas untuk memeriksa kandungannya.

(5) Sekiranya ternyata pada seseorang Majistret berdasarkan maklumat dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dalam mana-mana premis, vesel atau kenderaan ada tersembunyi atau disimpan apa-apa dokumen atau benda lain yang secara munasabah dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk waran itu diarahkan, pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis, vesel atau kenderaan dan menggeledah dan menyita apa-apa dokumen atau benda itu.

(6) Sekiranya ternyata kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dalam mana-mana premis, vesel atau kenderaan ada tersembunyi atau disimpan apa-apa dokumen atau benda lain yang secara munasabah dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai bahawa artikel atau benda itu mungkin akan dialihkan atau dimusnahkan, dia boleh menjalankan kuasa yang tersebut dalam subseksyen (5) tanpa waran.

Kuasa untuk menangkap

55. Mana-mana pegawai diberi kuasa bertulis termasuk seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Inspektor boleh menangkap, tanpa waran, sesiapaupun yang telah ditemui sedang melakukan kesalahan di bawah peruntukan Enakmen ini dan akan membawa orang itu ke hadapan Pengarah yang kemudiannya boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan itu dengan Izin Bertulis Timbalan Pendakwa Raya mengikut peraturan Enakmen ini atau memerintahkan agar orang itu dituduh di Mahkamah setelah mendapat Izin Bertulis Pendakwa Raya.

Perkara berkaitan dengan siasatan

56. (1) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan suatu siasatan di bawah Enakmen ini boleh—

- (a) melalui pemberitahuan bertulis memerlukan seseorang atau penghuni mana-mana premis, mengikut mana yang sesuai, untuk menyediakan dalam tempoh yang ditentukan apa-apa maklumat seperti dikehendaki di dalam pemberitahuan itu;
- (b) melalui perintah secara bertulis, menghendaki supaya hadir dihadapannya seseorang yang pada hematnya tahu tentang keadaan kes dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana dikehendaki sedemikian;
- (c) memeriksa secara lisan seseorang mengetahui mengenai fakta dan hal keadaan kes itu di mana—
 - (i) seseorang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan berkaitan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya mungkin akan mendedahkan kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan;

- (ii) seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang sebenar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan;
- (iii) pegawai diberi kuasa yang memperolehi maklumat daripada seseorang hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu peruntukan subperenggan (i) dan (ii) di atas; dan
- (iv) sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuat pernyataan itu dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedaan yang dia mahu.

(2) Sekiranya seseorang yang diminta maklumat dalam perenggan 56 (1) (a) dan yang dikehendaki hadir dalam perenggan 56 (1) (b) di atas gagal berbuat demikian, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa tersebut boleh memohon waran daripada Majistret bagi mendapatkan maklumat atau memastikan kehadiran tersebut.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

57. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan suatu pengakuan atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar seorang pegawai diberi kuasa dan sama ada diterjemahkan kepadanya atau tidak oleh seorang pegawai lain atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi tujuan mencabar kebolehpercayaannya.

- (2) Tiada keterangan di subseksyen (1) boleh dijadikan bukti atau digunakan—
- (a) jika pembuatan pernyataan itu pada hemat mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seseorang yang berkuasa dan cukup pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pandangannya munasabah untuk mengandaikan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa kelebihan atau mengelakkan apa-apa kemudaratan yang bersifat duniawi berkenaan dengan prosiding terhadapnya; dan
- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan yang berikut atau perkataan yang mempunyai maksud yang sama:

“Menjadi tugas saya untuk memberikan amaran kepada anda bahawa anda tidak berkewajipan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan”.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada kesempatan untuk memberikan amaran kepadanya tidaklah boleh menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia diberi amaran secepat yang mungkin selepas itu.

Perlindungan kepada pemberi maklumat

58. (1) Kecuali apa-apa yang telah diperuntukkan sebelum ini tiada saksi dalam mana-mana prosiding jenayah di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya hendaklah dipertanggungjawabkan atau dibenarkan untuk memberitahu nama atau alamat seorang pemberitahu maklumat atau maklumat yang diterima darinya atau menyatakan mana-mana hal yang boleh mengakibatkan pendedahannya.

(2) Sekiranya suatu buku atau dokumen dalam keterangan atau yang mungkin disiasat dalam mana-mana prosiding jenayah mengandungi catatan di mana mana-mana pemberitahu maklumat dinamakan atau digambarkan atau yang boleh mengakibatkan pendedahannya, mahkamah akan memerintahkan semua catatan dirahsiakan dari pandangan atau dimusnahkan sejauh mana ianya perlu untuk melindungi pemberitahu maklumat itu dari pendedahan.

(3) Sekiranya di dalam suatu perbicaraan untuk suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang telah dibuat di bawahnya mahkamah, selepas membuat penyelidikan penuh terhadap kes itu, berpendapat bahawa pemberitahu maklumat itu dengan sengaja membuat di dalam aduannya satu pernyataan mustahak yang diketahui olehnya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau sekiranya keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya di antara pihak-pihak terlibat tanpa pendedahan pemberitahu maklumat itu, mahkamah boleh memerintahkan dikemukakan aduan asal itu, sekiranya bertulis, dan membenarkan suatu siasatan dan menghendaki pendedahan penuh pemberitahu maklumat itu.

Arahan untuk menghentikan kerja

59. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Pengarah boleh, jika terdapat suatu ancaman signifikan dan serta-merta atau risiko terhadap kuantiti, kualiti atau aliran air dalam suatu sumber air atau suatu ancaman pencemaran serius atau ancaman atau risiko terhadap suatu sumber air daripada apa-apa kerja, mengarahkan secara bertulis kepada pemunya atau penghuni premis atau tanah yang mana kerja itu dijalankan atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mempunyai kawalan terhadap kerja itu untuk —

- (a) menghentikan penjalanan atau menghalang daripada pelaksanaan kerja itu;
- (b) menjalankan langkah-langkah termasuklah merobohkan, mengembalikan, memulihkan atau menjana semula kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu;
- (c) meremedikan atau Pengarah yang meremedikannya, di mana kos pembaikan atau remedi tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pemunya atau penghuni premis atau tanah yang mana kerja itu dijalankan atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mempunyai kawalan terhadap kerja itu; atau
- (d) mengambil tindakan lain yang sebagaimana Pengarah berpendapat perlu untuk melindungi dan menghalang pencemaran atau mudarat atau apa-apa ancaman pencemaran atau mudarat lanjut kepada sumber air dan alam sekitar.

Perintah untuk impaun

60. (1) Jika Pengarah berpuas hati bahawa mana-mana orang telah mengalihkan apa-apa sumber atau mendepositkan apa-apa bahan dalam mana-mana sumber air yang bertentangan dengan Enakmen ini, Pengarah boleh mengeluarkan suatu perintah untuk mengimpaun berkenaan dengan—

(a) keseluruhan atau mana-mana bahagian sumber atau bahan yang dialihkan atau didepositkan; dan

(b) apa-apa loji atau peralatan atau apa-apa benda yang digunakan dalam pengalihan atau pendepositan sumber atau bahan itu.

(2) Suatu perintah untuk mengimpaun yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa serta-merta, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam perintah itu, dan boleh mengandungi syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh, secara bertulis, mengubah atau membatalkan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), atau apa-apa syarat yang dikenakan di dalamnya.

(4) Melainkan dibatalkan sebelumnya oleh Pengarah, suatu perintah untuk mengimpaun hendaklah kekal berkuat kuasa bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh perintah itu dikeluarkan atau sehingga penyelesaian muktamad apa-apa prosiding yang dimulakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(5) Apa-apa yang diimpaun dalam perjalanan kuasa di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk untuk pelucuthakan. Suatu perintah untuk pelucuthakan apa-apa yang diimpaun boleh dibuat oleh mahkamah jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa sumber, bahan, loji, peralatan atau benda merupakan perkara pokok atau digunakan dalam perlakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini walaupun tiada orang telah disabitkan dengan kesalahan itu.

(6) Apa-apa sumber, bahan, loji, peralatan atau benda yang diperintahkan untuk dilucut hak di bawah subseksyen (5) boleh dilupuskan oleh Pengarah dan hasil pelupusan itu hendaklah didepositkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Bagi Negeri Kelantan.

(7) Mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa sumber, bahan, loji, peralatan atau benda yang merupakan subjek suatu perintah untuk mengimpaun di bawah seksyen ini untuk digunakan, dialihkan, dijual atau dilupuskan atau dikendalikan bertentangan dengan perintah itu, melakukan suatu kesalahan, dan hendaklah, jika disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengambil tindakan pemulihan

61. (1) Jika apa-apa perintah atau arahan dibuat di bawah Enakmen ini tidak dipatuhi oleh sesiapa atau entiti Kerajaan yang mana perintah atau arahan itu ditujukan, Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah, boleh bagi maksud menguatkuasakan perintah atau arahan itu—

- (a) memasuki tapak kerja itu, dan setakat yang perlu untuk mendapatkan akses kepada kerja, memasuki premis atau tanah yang bersebelahan;
- (b) menjalankan atau menyebabkan untuk dijalankan langkah-langkah atau kerja yang dinyatakan dalam perintah atau arahan itu; dan
- (c) mengambil apa-apa tindakan lain sebagaimana yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan perintah atau arahan itu.

(2) Jumlah apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung dalam penjalanan tindakan pemulihan menurut subseksyen (1) boleh didapatkan kembali sebagai suatu hutang yang terakru kepada Pihak Berkuasa Negeri daripada orang itu atau entiti Kerajaan yang bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran perintah atau arahan itu.

(3) Suatu perakuan daripada Pengarah yang menyatakan bahawa—

- (a) orang yang dinamakan dalam perakuan itu sebagai orang yang bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran perintah atau arahan itu hendaklah menjadi keterangan prima facie bagi maksud apa-apa prosiding di bawah seksyen ini; dan
- (b) kos dan perbelanjaan yang ditanggung sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu hendaklah menjadi bukti muktamad jumlah yang kena dibayar dan tidak tertakluk kepada rayuan dalam mana-mana mahkamah.

Pemberhentian pengabstrakan air

62. Jika Pengarah menentukan bahawa suatu kesalahan telah atau akan dilakukan di bawah Enakmen ini, Pengarah boleh, setelah memberi notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam, menyebabkan pengabstrakan air daripada mana-mana sumber air untuk diberhentikan daripada premis atau tanah dan pengabstrakan air itu hendaklah tidak disambung semula sehingga Pengarah, pada budi bicaranya, memberikan kebenaran.

Pemasangan dan pengendalian

63. (1) Pengarah boleh menghendaki mana-mana pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah, mana-mana orang atau entiti Kerajaan yang mengabstrak, mengguna, melepaskan ke dalam atau mengganggu aliran air atau mana-mana sumber untuk –

- (a) memasang dan mengendali apa-apa jenis peralatan termasuklah peralatan bagi pengawalan, pensampelan, pemancaran atau amaran yang diluluskan oleh Pengarah;
- (b) memasang dan mengendali apa-apa jenis alat pengukuran atau perekodan yang diluluskan oleh Pengarah;
- (c) mengemukakan, pada jarak waktu yang tetap, apa-apa maklumat dan data sebagaimana yang diarahkan secara bertulis oleh Pengarah, berkenaan dengan apa-apa kerja;
- (d) melantik, dengan kebenaran Pengarah, mana-mana juruaudit luar atau orang perseorangan yang berkecuali untuk memeriksa, mengesah, menentukur dan memperakui kepada Pengarah bahawa peralatan, pengukuran atau perekodan di bawah perenggan (a) dan (b) dijalankan menurut piawaian yang ditetapkan dan maklumat yang diberikan di bawah perenggan (c) mencerminkan secara tepat situasi yang diterangkan; dan
- (e) mana-mana kerja lain yang dirasakan perlu.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran Pengarah mengusik, melaras atau mengubah atau mengganggu operasi apa-apa peralatan, meter atau pensampelan lain atau alat perekodan yang telah dipasang atau disebabkan untuk dipasang oleh Pengarah, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemberian maklumat

64. (1) Pengarah boleh secara notis bertulis menghendaki mana-mana orang atau pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah mengikut mana yang berkenaan, untuk memberi apa-apa maklumat dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Mana-mana orang, termasuklah mana-mana juruaudit luar atau orang perseorangan yang berkecuali yang dilantik di bawah perenggan 63 (1) (d), yang gagal untuk memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam subseksyen (1) atau memberi apa-apa jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa-apa bentuk, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XI

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan am

65. Mana-mana orang dalam apa-apa cara, bertentangan atau gagal untuk mematuhi dengan mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya, jika tiada penalti diperuntukkan secara spesifik berhubung dengannya, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang berterusan

66. Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan kesalahan itu diteruskan, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada penalti yang dinyatakan bagi kesalahan tertentu itu, bertanggung, jika tiada denda selanjutnya diperuntukkan secara nyata, kepada suatu denda selanjutnya yang tidak kurang satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Perampasan faedah kewangan

67. Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa akibat daripada perlakuan kesalahan itu, pesalah itu memperolehi faedah kewangan, mahkamah boleh memerintahkan pesalah itu untuk membayar sebagai tambahan kepada denda bagi kesalahan itu suatu amaun tambahan yang bersamaan dengan jumlah faedah kewangan itu.

Memecah dan memindahkan apa-apa meterai

68. Mana-mana orang yang memecah atau memindah apa-apa meterai yang diletakkan oleh pegawai yang diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh suatu badan korporat

69. Jika suatu badan korporat melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu merupakan seorang ketua pegawai eksekutif, pengarah, pengurus atau pegawai serupa yang lain badan korporat itu atau bermaksud untuk bertindak dalam apa-apa kapasiti itu atau dalam apa-apa cara atau apa-apa takat, bertanggungjawab bagi pengurusan hal ehwal badan korporat itu atau membantu dalam apa-apa pengurusan —

- (a) boleh dituduh secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan badan korporat itu;
- (b) jika badan korporat itu didapati bersalah terhadap kesalahan itu, hendaklah dianggap sebagai bersalah terhadap kesalahan itu melainkan, dengan mengambil kira sifat fungsinya dalam kapasiti itu dan semua keadaan, dia membuktikan —
 - (i) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu.

Tindakan atau peninggalan oleh ejen atau pekerja

70. Seseorang hendaklah bertanggungjawab bagi tindakan atau peninggalan ejen atau pekerja yang bertindak dalam perjalanan pekerjaannya, jika tindakan atau peninggalan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, dalam cara yang sama dan takat yang sama seolah-olah tindakan atau peninggalan itu dilakukan olehnya dengan syarat bahawa tiada apa-apa di dalam seksyen ini boleh membebaskan ejen atau pekerja itu daripada tanggungjawab.

Pengkompaunan kesalahan dan Pendakwaan

71. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Pengarah dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang orang itu adalah bertanggungjawab jika dia telah disabitkan dengan kesalahan itu, dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis Pengarah.

(3) Suatu tawaran yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan masa sebagaimana yang Pengarah boleh berikan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu, terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu tawaran telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun telah dibuat, apa-apa dokumen, peralatan, bahan atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilucut hak dan dilupuskan menurut arahan Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Bagi Negeri Kelantan.

BAHAGIAN XII**AM****Kuasa untuk memasuki tanah**

72. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki tanpa waran mana-mana tanah Negeri, tanah rizab, hutan simpan kekal, tanah beri milik dan tanah lombong bagi maksud untuk menghalang atau mengesan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya.

Penyampaian dokumen atau notis

73. (1) Penyampaian suatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan menghantar dokumen itu kepada orang itu atau dengan menghantar dokumen itu kepada seorang dewasa di alamat terakhir premis yang diketahui;
- (b) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat terakhir yang diketahui atau tempat perniagaan orang itu dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan memajukan dokumen itu dengan pos berbayar yang dialamatkan kepada orang itu di alamat terakhir yang diketahui atau tempat perniagaannya.

(2) Suatu dokumen yang dikehendaki untuk diserahkan kepada pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah hendaklah dianggap dialamatkan secara teratur dengan deskripsi “Pemunya” atau “Penghuni” premis atau tanah itu tanpa nama atau deskripsi selanjutnya dan boleh disampaikan dengan menghantar dokumen atau notis itu kepada seorang dewasa di premis itu atau, jika tiada sesiapa di premis itu yang kepadanya dokumen atau notis itu boleh diserahkan dengan usaha wajar yang munasabah, dengan menampalkan dokumen atau notis itu pada bahagian premis itu yang mudah dilihat.

Perlindungan daripada prosiding guaman dan perundangan

74. Tiada tindakan boleh dikenakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Pengarah;
- (b) mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa; dan
- (c) mana-mana orang lain bagi atau bertanggungjawab terhadap atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau bertujuan untuk dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa,

jika tindakan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan yang munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan borang

75. Pihak Berkuasa Negeri boleh, menetapkan borang dalam apa-apa buku, instrumen atau notis yang dikehendaki di bawah Enakmen ini.

Kuasa untuk membuat peraturan

76. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang mustahak atau perlu bagi penjalanan peruntukan Enakmen ini atau bagi menetapkan apa-apa yang boleh, atau yang dikehendaki untuk, ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan boleh dibuat berhubung dengan yang berikut—

- (a) pengisytiharan kawasan perlindungan dan pengurusan kawasan itu;
- (b) pengumpulan, pelepasan, rebat atau penangguhan bayaran apa-apa jumlah, fi atau caj yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) pembangunan lestari, pemuliharaan dan kegunaan apa-apa sumber air;
- (d) pelaksanaan langkah-langkah dan akreditasi yang bersesuaian termasuklah piawaian bagi pengukuran, pengelasan dan pengkategorian kuantiti, kualiti atau ciri-ciri lain bagi air, sumber air atau sumber lain;
- (e) peruntukan dan pengkategorian keutamaan dan hak terhadap sumber air;
- (f) pelaksanaan langkah-langkah yang bersesuaian termasuklah langkah-langkah untuk memitigasi kesan perubahan iklim;
- (g) pelaksanaan pelan pengurusan bagi Negeri;
- (h) penyediaan dan pelaksanaan pelan pengurusan lembangan sungai bersepadu bagi mana-mana lembangan sungai;
- (i) kaedah, prosedur, terma dan syarat termasuklah bayaran, caj dan fi bagi lesen di bawah Enakmen ini;

- (j) pelaksanaan piawaian yang bersesuaian termasuklah piawaian bagi pengurusan, peraturan dan kawalan terhadap pembinaan, operasi dan penyelenggaraan struktur, empangan, amfang jajar, pintu pasang surut, empang limpah pada sumber air;
- (k) pengurusan, kawalan dan peraturan apa-apa pengabstrakan, pelencongan apa-apa air atau pengangguan, pelepasan dan pengembalian apa-apa air, bahan atau sisa ke dalam sumber air;
- (l) mitigasi kesan saliran daripada aktiviti pertanian atau perladangan;
- (m) pelaksanaan piawaian yang bersesuaian termasuklah piawaian dan keperluan bagi mengitar semula air;
- (n) pelaksanaan manual, piawaian dan garis panduan bagi reka bentuk, pembinaan, pengurusan, penyelenggaraan dan kawalan sistem saliran lestari;
- (o) pengurusan, peraturan dan kawalan bagi apa-apa kerja terhadap sumber air;
- (p) pelaksanaan langkah-langkah yang bersesuaian, bagi keselamatan dan kesihatan awam daripada bahaya dan bencana air;
- (q) pelaksanaan apa-apa pelan, piawaian, rangka tindakan, pengkelasan, spesifikasi, garis panduan dan langkah-langkah berkaitan dengan pengurusan sumber air bersepadu termasuklah pengurusan bersepadu bagi lembangan sungai, zon pantai dan garis pantai;
- (r) kesalahan yang boleh dikompaun dan prosedur bagi mengkompaun kesalahan itu; dan
- (s) apa-apa perkara yang diperlukan atau dibenarkan oleh Enakmen ini untuk ditetapkan atau perlu atau sesuai untuk ditetapkan bagi perjalanan atau memberi kesan kepada mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(3) Peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa tindakan yang bertentangan dengan peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

JADUAL

[subseksyen 6(2)]

Tempoh jawatan

1. Tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang dinyatakan dalam instrumen pelantikan, ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 6 (1) (*m*) Enakmen ini hendaklah, melainkan dia kemudiannya meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya kemudiannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk pelantikan semula bagi tempoh maksimum tiga penggal berturut-turut.

Pembatalan dan peletakan jawatan

2. (1) Pelantikan ahli di bawah perenggan 6 (1) (*m*) Enakmen ini pada bila-bila masa boleh dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa memberi apa-apa sebab untuk pembatalan itu.

(2) Ahli yang dilantik di bawah perenggan 6 (1) (*m*) Enakmen ini boleh pada bila-bila masa meletak jawatannya melalui suatu surat yang dialamatkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pengosongan jawatan

3. Jawatan ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 6 (1) (*m*) Enakmen ini hendaklah dikosongkan jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) terdapat bukti terhadapnya, atau dia telah disabitkan dengan suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah apa-apa undang-undang berkaitan dengan rasuah atau di bawah Enakmen ini;
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan penjara (secara sendiri atau sebagai tambahan kepadanya atau sebagai ganti suatu denda) melebihi dua tahun;
- (c) dia menjadi seorang yang diisytiharkan bankrap;
- (d) dia merupakan seorang yang tidak waras atau tidak keupayaan untuk menjalankan tugasnya;

- (e) dia tidak menghadirkan diri tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Mesyuarat Majlis

4. (1) Majlis hendaklah bersidang pada masa dan tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi tetapi tidak kurang daripada dua kali setahun.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis atau dalam ketidakhadiran Pengerusi, Timbalan Pengerusi.

(3) Pengerusi dan sepuluh orang ahli lain yang hadir pada mesyuarat Majlis membentuk suatu korum.

(4) Keputusan Majlis hendaklah dibuat secara sebulat suara.

(5) Tertakluk kepada Enakmen ini, Majlis boleh menentukan prosedurnya sendiri.

Jawatankuasa

5. (1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa sebagaimana yang Majlis fikirkan perlu dan mustahak untuk membantu pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Majlis boleh memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi mana-mana jawatankuasa.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang, termasuklah seorang atau lebih daripada sektor swasta, untuk menjadi ahli mana-mana jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa boleh mengatur prosedurnya sendiri dan, dalam penjalanan fungsinya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak menurut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Majlis.



LAWS OF THE STATE OF KELANTAN

Enactment 13

**STATE OF KELANTAN WATER RESOURCES
ENACTMENT 2019**

Date of Royal Assent 3 October 2019

Date of the publication in the Gazette ...19 December 2019

Enactment 13

**STATE OF KELANTAN WATER RESOURCES
ENACTMENT 2019**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

PREROGATIVE POWERS AND APPLICATION

3. Prerogative powers
4. Application

PART III

ADMINISTRATION

5. Establishment of State Water Resources Council
6. Council membership
7. Establishment of State Water Resources Department
8. Appointment of Director and other officers
9. Duties of Director
10. Delegation of powers by State Secretary

PART IV

USE OF WATER RESOURCES

Section

11. Responsibility for water resources
12. Control of water resources usage
13. Abstraction of ground water
14. Diversion, obstruction, disruption of natural water flows
15. Powers of Director in relation to water resources and catchments
16. Power to impose charges
17. Right to water for purpose of self-sufficiency
18. Control of water wastage

PART V

WATER RESOURCES MANAGEMENT AND DEVELOPMENT

19. Preparation of management and development plan
20. Comments and objections from public
21. Management and development plan for inter-state water resources
22. Implementation of management and development plan by Government entity
23. Efficient use of water resources
24. Prohibition against pollution of water resources

STATE OF KELANTAN
WATER RESOURCES ENACTMENT 2019

5

PART VI

WATER RESOURCES PROTECTION AREA

Section

- 25. Proclamation of protected areas
- 26. River reserves

PART VII

WATER HAZARD CONTROL

- 27. Storm water management
- 28. Flood and drought management
- 29. Flood disaster mitigation
- 30. Action during flood disaster
- 31. Action during drought
- 32. Management of water resources pollution due to accident
- 33. Mitigation of water resources pollution due to accident

PART VIII

CONTROL OF OTHER ACTIVITIES

- 34. Control of recreational activities

PART IX

PROCEDURE FOR LICENSING, APPROVAL AND APPEAL

- 35. Application
- 36. Comments and objections from public over significant work
- 37. Approval of licence
- 38. Issuance of licence

Section

- 39. Renewal of licence
- 40. Security
- 41. Register of licence
- 42. Obligations of licensee
- 43. Change of conditions in licence
- 44. Revocation
- 45. Termination
- 46. Appeal
- 47. Appeal Procedure
- 48. Proceeding
- 49. Appeal not suspension of action
- 50. Council decision

PART X

ENFORCEMENT

- 51. Authorised officer
- 52. Power of investigation
- 53. Proof of authority
- 54. Power to enter, search, inspect and seize
- 55. Power to arrest
- 56. Matters relating to investigation
- 57. Admissibility of statement as evidence
- 58. Protection to informers
- 59. Instruction to stop work

Section

- 60. Order for impound
- 61. Power to take remedial action
- 62. Stop of water abstraction
- 63. Installation and handling
- 64. Furnishing information

PART XI

OFFENCES AND PENALTIES

- 65. General offence
- 66. Continuous offence
- 67. Deprivation of financial gain
- 68. Break and remove any seal
- 69. Offence committed by body corporate
- 70. Act or omission by agent or employee
- 71. Compounding of offences and prosecution

PART XII

GENERAL

- 72. Power to enter land
- 73. Service of document or notice
- 74. Protection from legal proceeding and suit
- 75. Power of State Authority to prescribe form
- 76. Power to make regulations

SCHEDULE

I ASSENT

(STATE SEAL)

HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN MUHAMMAD V
SULTAN OF KELANTAN

An Enactment to provide for integrated water resources management in Kelantan and for matters connected therewith.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Kelantan as follows:

PART I

PRELIMINARY

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the State of Kelantan Water Resources Enactment 2019 and shall apply throughout Kelantan.

(2) This Enactment comes into operation on such date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“ground water” means water flowing or infiltrating underneath surface land saturating soil or rock, supplying spring water into well or cistern, or any open space;

“environment” has the same meaning assigned to it in the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*];

“water body” means any aquifer, lake, pond, wetland, estuary, coastal waters, reservoir (except for the purpose of water supply) and other water body whether natural or artificial;

“waste” includes any matter whether in the form of solid, liquid or gas emitted, discharged or placed in the environment in any volume, composition or manner causing pollution and any matter prescribed under the Environmental Quality Act 1974 [Act 127] as a scheduled waste;

“bed” in relation to a water resource means land bordering the nearest bank to the water resource;

“flood plain” means any area adjacent to flood-prone river and water body;

“effluent” means sewage and any liquid waste or waste water and includes leachate passed from animal farming;

“Government entity” means—

- (a) the Federal Government, any State Government or local government;
or
- (b) any ministry, department, office, agency, authority, commission, committee, department, council or other body, incorporated or unincorporated, of the Federal Government, any State Government or local government, whether incorporated under any written law or otherwise;

“estuary” means a water body partially, temporarily or fully covered that is open to the sea regularly or periodically and into which fresh water flowing from the land;

“professional engineer with practice certificate” has the same meaning assigned to it in the Registration of Engineers Act 1967 [Act 138];

“protected area” means any area declared as a protected area under section 25;

“catchment area” for the purpose of this Enactment means any area from which a water resource receives a surface flow derived from rain;

“beneficial use” means the use of water in the appropriate amount within the period required to produce benefits from the water provided;

“work” includes any activity relating to—

- (a) operation, maintenance, construction, installation of structures, manufacturing or premise, equipment, vessel, embankment, earthwork, pond or surface fish farming, within, across or under any water resource and catchment area;

- (b) dredging, reclamation, deepening, filling or draining any water resource and catchment area;
- (c) exploration, mining, drilling, piling any water resource and catchment area;
- (d) release of any substance, matter or thing directly into any water resource or catchment area;
- (e) planting, cutting or felling any vegetation above any water resource or catchment area; and
- (f) impoundment, diversion, discharge, hindrance or interference with flow of water and the use of water in any water resource.

“Department” means the State Water Resources Department established under section 7;

“river basin” means the area of land from which all surface runoff flows through a flow of a river, stream or lake and ends at the sea through a river mouth, estuary or delta;

“licence” means a licence issued under this Enactment;

“sustainable” means managing the use and development of resources in a way and at a rate, which enables people and communities to provide for the constant good of social, health, economy and culture, as well as preserving support for aquatic life and protecting environmental element supported by water resources;

“Council” means the State Water Resources Council established under section 5;

“public purpose” means use which involves the interests of the Federal or State in any water resource including but not limited to the supply of water, irrigation, navigation, recreation, fishery, storage, energy generation, flood mitigation, cloud seeding, water resource preservation, public health, pollution prevention and control, conservation and use of biodiversity, climate change and aesthetic beauty;

“Erosion and Sediment Control Plan” means a plan, or set of plans that demonstrate methods for controlling rainwater drainage, soil erosion, sediment run during construction, site stabilization, and construction maintenance phase or other land disturbance activities;

“management and development plan” means a plan made under section 19;

“stakeholder” means any person, Government entity, organisation or association that has an interest in or may be affected by the development, management, use and conservation of any water resource;

“pollutant” has the same meaning assigned to it under the Environmental Quality Act 1974;

“pollution” has the same meaning assigned to it under the Environmental Quality Act 1974;

“Director” means a Director appointed under section 8 of this Enactment, section 6 of the Water Supply Enactment 1995 [*Enactment No. 4 Of 1995*] and section 3A of the Drainage and River Enactment 1935 [*Enactment No. 18 Of 1935*];

“occupier” means a person who occupies or controls—

- (a) any premise or land;
- (b) in respect of different premise or land area occupied by different people, each person who occupies or controls any part thereof; or
- (c) any vehicle, vessel or aircraft;

“integrated water resources management” means a process that promotes the coordination of development and management of water, land and related resource to maximise the economic revenue and social welfare in an equitable manner without compromising the sustainability of vital ecosystems;

“coastal waters” means that portion of the sea adjacent to the coast that is considered by law to establish the territorial waters of the State;

“subsistence farming” means farming where most of the plants are used by the farm household;

“State Authority” has the same meaning assigned to it in the Interpretation Acts 1948 and 1967;

“premise” includes any premise or any part thereof (whether complete or not), whether on land or in any water resource;

“river reserves” means the area of land set out in section 26;

“structure” means any structure (whether completed or not) built on, in, over or under water resources, including but not limited to, boat ramp, bridge, embankment, groin, highway, jetty, road, pavement, well, tunnel and pipeline;

“source” means any matter, object, material or liquid that contained therein, associated with or dependent on water including—

- (a) flora and fauna, biotic communities and related ecosystems;
- (b) water, mineral, sand, rock material or soil;
- (c) other natural products;

“water resource” means any river, water body and ground water;

“river” means any flow, waterway or any stream, whether natural, modified or artificial or any diversion or any reservoir in the flow;

“land” has the same meaning assigned to it in the National Land Code 1965 [Act 56];

“wetland” means any area or ravine, fen, peat, swamp or other lowland flooded and impounded with fresh, brackish or salty water static or flowing seasonally, temporarily or permanently, natural or otherwise;

“bank” in relation to a source of water means any natural or artificial bank;

“vessel” includes any ship or boat or any other vessel description used in navigation;

PART II

PREROGATIVE POWERS AND APPLICATION

Prerogative powers

3. Nothing contained in this Enactment shall derogate or affect the prerogative rights and powers of His Royal Highness the Sultan, as declared and set forth in the Constitution of the State of Kelantan and the Federal Constitution.

Application

4. (1) Except as otherwise expressly provided, this Enactment shall apply to the State of Kelantan to all rivers, river basins, water catchments, territorial waters, ground waters, coastal waters, and water bodies in the State of Kelantan.

(2) In case of inconsistency or conflict between the provisions of this Enactment and the provisions of the Water Supply Enactment 1995 and the River and Drainage Enactment 1935, the provisions of this Enactment shall prevail and the provisions inconsistent with this Enactment are void to the extent of such inconsistency.

(3) Notwithstanding anything provided in section 117 of Interpretations Act 1948 and 1967, in case of inconsistency or conflict between the Malay version of this Enactment and the English version, the Malay version shall prevail.

(4) Any regulation, rule, order, declaration, notice or notification made, given or issued under the Water Supply Enactment 1995 and / or the River and Drainage Enactment 1935, prior to the coming into force of this Enactment shall, in so far as it is inconsistent with this Enactment, continue to be in force until amended, revoked or replaced by a regulation, rule, order, declaration, notice or notification issued under the provisions of this Enactment.

(5) Any person who before the coming into force of this Enactment carry out any work on the basis of a licence or approval under the Water Supply Enactment 1995 and / or the River and Drainage Enactment 1935 in a situation whereby licence or approval for such work is provided under this Enactment and the person intends to continue with the work, shall after the expiration of the licence apply for a licence or approval as may be required under this Enactment.

(6) Any person who before the coming into force of this Enactment carry out any work that requires a licence or approval under this Enactment shall within six months from the coming into force of this Enactment or such other period as the State Authority may decide, shall apply for a licence or necessary approval and pending the licence be granted, shall carry out any work subject to such conditions and directions as the State Authority may think fit.

PART III

ADMINISTRATION

Establishment of State Water Resources Council

5. (1) The State Water Resources Council is hereby established, which function is to advise the State Authority on integrated water resources management in the State and in particular—

- (a) protection, use, development, conservation, management and control of water resources sustainably and equitably, for the benefit of all parties and the environment;
- (b) fair allocation and beneficial use of water;
- (c) policies, plans, programs, strategies and measures to be adopted for sustainable development, use and conservation of water resources;

- (d) to consider and adopt a water resource management plan for the State, in accordance with the national water resources policy;
- (e) to advise on a review, alteration or amendment to a water resource management plan;
- (f) inter-basin water removal;
- (g) to coordinate the relationship between Government entity and promote cooperation and coordination for the use of various functions of water resources;
- (h) to promote research in the efficiency of the use, development and conservation of water resources;
- (i) to advise in relation to the declaration of designated and protected areas and formulating and implementing development and management plan for those areas; and
- (j) to maintain the interests of water users in relation to the quantity, quality and water supply charges.

(2) The Council may, in carrying out its functions, take into account national policies, plans and programs on the integrated water resources management established by the Federal Government.

(3) The Council may, for the purposes of uniformity, take into account national standards, criteria, manuals, guidelines and procedures for the integrated water resources management established by the Federal Government.

Council membership

- 6.** (1) The Council shall consist of the following members—
- (a) the Menteri Besar who shall be the Chairman of the Council;
 - (b) the State Secretary who shall be the Deputy Chairman to the Council;
 - (c) the State Legal Advisor;
 - (d) the State Financial Officer;
 - (e) a member of the State Executive Council responsible for water resources;

- (f) a member of the State Executive Council responsible for environmental matters;
 - (g) a member of the State Executive Council responsible for agricultural matters;
 - (h) a member of the State Executive Council responsible for water activities or supplies;
 - (i) the State Director of Land and Mines;
 - (j) the Director of the State Forestry Department;
 - (k) the State Director of Irrigation and Drainage;
 - (l) the Director of the State Economic Planning Unit;
 - (m) not more than five other members to be appointed by the State Authority who shall have expertise in matters relating to water resources; and
 - (n) the Director of State Water Resources who shall be the Secretary to the Council.
- (2) The provisions of the Schedule shall apply to the Council.
- (3) The Schedule may be amended by the State Authority.

Establishment of State Water Resources Department

7. (1) The State of Kelantan Water Resources Department is hereby established to carry out any function and power enumerated in this Enactment.

(2) The Department shall be responsible to the Council and shall perform any direction of the Council.

- (3) The functions of the Department are for—
- (a) developing, implementing and promoting infrastructure projects for multi functional purposes;
 - (b) conducting research relating to management, the use of efficient development and conservation of water resources and resources therein;

- (c) providing training and facilities for training in relation to the functions of the Department;
 - (d) safeguarding the State's interests in terms of development, management of usage and conservation of water resources;
 - (e) managing and controlling the installation, operation and maintenance of the place and equipment belonging to the Department;
 - (f) granting a licence on the terms deemed appropriate by the Department to any public authority or person to undertake any activity relating to water resources and to regulate the licensees and their activities;
 - (g) informing and educating the public on the development and conservation of water resources;
 - (h) investigating any incident, offence or accident occurring above or in relation to a water resource; and
 - (i) making any other thing as it deems fit to enable it to perform its functions effectively or incidental to the performance of its functions.
- (4) The Department shall have the power to—
- (a) conduct survey, undertake viability study and gather information for research and preparation of management plan and the conservation of any water resource;
 - (b) regulate and supervise any activity of altering the resources and actions of a person or body in respect of any water resource;
 - (c) impose and charge fees and any other charges relating to the performance of its functions and powers under this Enactment;
 - (d) construct, maintain, rehabilitate, resettle and use any structure, building, or works within the limits of any water resource;
 - (e) build, maintain, repair, restore and renovate any work beyond the boundaries of water resources as may be required for the protection of its works within the limits of any water resource;
 - (f) supervise the issuance of licences and permits upon the terms and conditions deemed appropriate to enter or exit from any designated or protected areas, or for the implementation of source-altering activities within the limits of any water resource and to charge fees for the issuance of such licence or permit;

- (g) coordinate the activities of public authorities, associations of stakeholders or the stakeholders and any person associated with the management, efficient use and conservation of water resources;
- (h) appoint or employ agents, technical advisors, consultants or others to handle any matter or enter into a contract for the performance of any work, for profit sharing or joint ventures with any person or entity;
- (i) acquire by purchase, gift or otherwise, and dispose of or deal with movable and immovable property and any interest in it, on such terms and conditions as deemed appropriate by the Department;
- (j) make any regulation relating to the services and discipline of all its officers and servants;
